

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri



**MODUL
INTERVENSI PEMBELAJARAN**

SPM 2021

BIOLOGI

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU


Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

PANEL PENULIS

BIL	NAMA	SEKOLAH
1	MOHD NOR BIN ISMAIL (K)	SMK SERI PAYONG
2	MOHD HAFIZ BIN RUZAK	SMKA DURIAN GULING
3	HUSMA BINTI MAMAT	SMK TENGGU LELA SEGARA
4	NORLIZA BT MUHAMMAD @ HAMAT	SMKA NURUL ITTIFAQ
5	ABDULLAH BIN AWANG @ MUHAMMAD	SMK NASIRUDDIN SHAH
6	NORIZAN BINTI YUNUS	SMA MAARIF
7	FATIMAH SYAM BINTI GHAZALI	PPD DUNGUN
8	ADALI BIN MOHAMED @ ABD GHANI	SMK MATANG
9	FATIAH BINTI ABDUL KADIR	SMK TENGGU AMPUAN INTAN
10	ROHAIZAN BINTI MAHMUD	SMK KOMPLEKS MENGABANG TELIPOT
11	ZULKIFLI BIN AWANG	SM SAINS SULTAN MAHMUD
12	RINI IRLIANA BINTI ABD RASHID	SMK SERI NILAM
13	AZLINA BINTI IBRAHIM	SMK BADRUL ALAM SHAH
14	AZLIMEDAWATI BINTI HASHIM	SM SAINS SETIU

BAHAGIAN I: SOALAN OBJEKTIF
PART I: OBJECTIVE QUESTIONS


1. Rajah 1 menunjukkan struktur suatu sel tumbuhan.
Diagram 1 shows the structure of a plant cell.



Rajah 1 / Diagram 1

Antara yang berikut yang manakah benar mengenai X?
Which of the following is true about X?

- | | | | |
|---|--|---|--------------------------|
| A | Separa telap
<i>Semipermeable</i> | B | Kenyal
<i>Elastic</i> |
| C | Telap sepenuhnya
<i>Fully permeable</i> | D | Tegar
<i>Rigid</i> |
2. Rajah 2 menunjukkan *Paramecium* sp. yang hidup di air tawar.
Diagram 2 shows Paramecium sp. that lives in freshwater.



Rajah 2 / Diagram 2

Apakah yang akan berlaku kepada *Paramecium* sp. itu jika struktur Y tidak berfungsi?


What will happen to the Paramecium sp. if structure Y does not function?

- | | | | |
|---|-----------------------------|---|--|
| A | Meletus
<i>Burst</i> | B | Mengecut
<i>Shrink</i> |
| C | Mengembang
<i>Expand</i> | D | Mengekalkan bentuknya
<i>Maintain its shape</i> |

3. Air adalah molekul berkutub. Jelaskan maksud pernyataan tersebut.
Water is a polar molecule. Explain the meaning of the statement.

- A Molekul yang mempunyai pembahagian cas yang tidak sama
Molecules that have unequal distribution of charges.
- B Molekul yang mempunyai pembahagian cas yang sama
Molecules that have equal distribution of charges.
- C Molekul yang mempunyai cas positif
Molecules that have a positive charge
- D Molekul yang mempunyai cas negatif
Molecules that have a negative charge

4. Rajah 3 menunjukkan aras tenaga semasa satu tindakbalas enzim.
Diagram 3 shows the levels of energy during an enzyme reaction.




Rajah 3 / Diagram 3

Antara aras A, B, C dan D yang manakah menunjukkan tenaga pengaktifan dengan enzim?

Which of the levels A, B, C and D represents the activation energy with enzymes?

5. Rajah 4 menunjukkan mekanisme tindakan enzim.
 Diagram 4 shows the mechanism of enzyme action.




Rajah 4 / Diagram 4

Antara yang berikut, yang manakah kesimpulan daripada Rajah 4?
 Which of the following can be deduced from Diagram 4?

- I Tindakan enzim adalah berbalik
Enzyme reaction is reversible
- II Tindakan enzim adalah spesifik
Enzyme action is highly specific
- III Enzim tidak dimusnahkan pada akhir tindakbalas
Enzyme is not destroyed at the end of the reaction
- IV Suhu optimum untuk tindakan enzim ialah 37 °C
Optimum temperature for enzyme reaction is 37 °C

- A I dan II sahaja / *I and II only*
- B II dan III sahaja / *II and III only*
- C III dan IV sahaja / *III and IV only*
- D I dan IV sahaja / *I and IV only*

6. Rajah 5 menunjukkan satu sel haiwan yang sedang mengalami meiosis 1. Berapakah bilangan kromosom dalam sel gamet?
 Diagram 5 shows an animal cell that is suffering from meiosis 1. What is the number of chromosomes in gamete cell?



Rajah 5 / Diagram 5

- A. 2
- B. 4
- C. 6
- D. 8


7. Rajah 6 menunjukkan serumpun padi dalam sawah padi.
Diagram 6 shows a cluster of a paddy plants in a paddy field.



Rajah 6 / Diagram 6

Apakah hasil respirasi di bahagian akar?
What are the products of respiration in the roots?


- A Asid laktik dan karbon dioksida
Lactic acids and carbon dioxide
 - B Etanol dan karbon dioksida
Ethanol and carbon dioxide
 - C Asid laktik dan air
Lactic acids and water
 - D Etanol dan air
Ethanol and water
8. Rajah 7 menunjukkan struktur respirasi bagi seekor serangga.
Diagram 7 shows the respiratory structure of an insect.



Rajah 7 / Diagram 7

Antara bahagian **A**, **B**, **C** dan **D** yang manakah terlibat dalam proses pertukaran gas?
*Which part **A**, **B**, **C** and **D** is involved in gaseous exchange?*

9. Rajah 8 menunjukkan sistem respirasi satu organisma akuatik.
Diagram 8 shows a respiratory system of an aquatic organism.




Rajah 8 / Diagram 8

Apakah penyesuaian struktur P bagi pertukaran gas yang optimum?
What is the adaptation of structure P for an optimum gaseous exchange?

- A Mempunyai lengkung insang yang bertulang
Has a bony gill arch
 - B Permukaan filament yang berlapis-lapis dan tebal
Filament surface which is layered and thick
 - C Kaya dengan jaringan kapilari darah
Rich supply of blood capillaries
 - D Mempunyai sebaris sisir insang
Has a line of gills
10. Apakah cara utama karbon dioksida diangkut melalui sistem peredaran darah?
What is the main way carbon dioxide is transported through the circulatory system?
- A Karbon dioksida bergabung dengan hemoglobin membentuk karbaminohemoglobin.
Carbon dioxide combines with hemoglobin to form carbaminohemoglobin
 - B Karbon dioksida melarut dalam plasma darah membentuk asid karbonik
Carbon dioxide dissolves in blood plasma to form carbonic acid
 - C Karbon dioksida diangkut dalam bentuk ion bikarbonat
Carbon dioxide transported in the form of bicarbonate ions

11. Rajah 9 menunjukkan sebahagian daripada sistem pencernaan manusia
Diagram 9 shows a part of human digestive system




Rajah 9/Diagram 9

Antara enzim berikut, yang manakah dirembeskan oleh organ X?
Which of the following enzymes is secreted by organ X?

- | | |
|-----------------------------|-----------------------------|
| A. Erepsin / <i>Erepsin</i> | B. Renin / <i>Rennin</i> |
| C. Amilase / <i>Amylase</i> | D. Tripsin / <i>Trypsin</i> |
12. Antara sel darah putih berikut, yang manakah merembeskan heparin untuk mengelakkan darah daripada membeku?
Which of the following white blood cells secretes heparin to prevent blood from clotting?
- | | |
|----------------------------------|-----------------------------------|
| A. Basofil / <i>Basophils</i> | B. Monosit / <i>Monocytes</i> |
| C. Limfosit / <i>Lymphocytes</i> | D. Neutrofil / <i>Neutrophyll</i> |
13. Seorang budak lelaki telah terluka jarinya dengan tidak sengaja. Darahnya membeku dengan perlahan. Apakah yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku?
A boy accidentally cut his finger. The blood clots occur slowly. What caused this condition to happen?
- Kekurangan vitamin K dalam makanannya
Lack of vitamin K in his meal
 - Kurang penghasilan heparin dalam badannya
Less production of heparin in his body
 - Kandungan darah dalam badannya berkurang
The amount of blood in his body decreases
 - Darah mengalir dengan tekanan yang tinggi pada luka tersebut
The blood flows with high pressure at the wound

14. Rajah 10 menunjukkan struktur N dalam sistem limfa manusia
Diagram 10 shows structure N in human lymphatic system



Rajah 10/ Diagram 10

Apakah akan terjadi kepada badan manusia sekiranya N gagal berfungsi?
What will happen to the human body if N is malfunctioned?


- A. Lebih banyak antibodi akan dihasilkan dalam badan
More antibodies will be produced in the body
 - B. Keupayaan mempertahankan badan daripada jangkitan berkurang
The ability to defend the body from infection decreases
 - C. Pengaliran bendalir limfa tersekat
The flow of lymph is obstructed
 - D. Aras keimunan meningkat
The level of immunity increases
15. Antara keadaan berikut, yang manakah akan menyebabkan seseorang itu memperoleh keimunan pasif buatan?
Which of the following condition will cause a person to acquire artificial passive immunity?
- A. Melalui suntikan serum
By injection of serum
 - B. Melalui suntikan vaksin
By injection of vaccine
 - C. Setelah sembuh daripada sesuatu penyakit
After recovering from a certain disease
 - D. Menerima antibody daripada ibunya pada peringkat embrio
Receiving antibodies from his/her mother during the stages of embryo

16. Seorang pekerja pembinaan terpijak sebatang paku besi yang berkarat di tapak pembinaan. Apakah suntikan yang harus diberikan kepada pekerja tersebut?
A construction worker steps on a rusty iron nail at the construction site. What injection should be given to the worker?
- A. Vaksin Salk / *Salk vaccine*
 B. Serum antitenatus / *Antitetanus serum*
 C. Serum difteria / *Diphtheria serum*
17. Keadaan yang manakah seseorang memerlukan suntikan vaksin untuk mencegah penyakit berjangkit?
Which conditions that a person needs a vaccine injection to prevent against an infectious disease?
- I Untuk menghalang penyakit anjing gila
To avoid rabies
 II Untuk merawat seseorang yang dipatuk oleh ular
To treat a person who is bitten by snake
 III Untuk menentang hepatitis A dan hepatitis B
To fight against hepatitis A and hepatitis B
 IV Untuk mengelakkan penyakit tibi dan poliomyelitis
To prevent tuberculosis and poliomyelitis
- A I dan II sahaja/ *I and II only* B II dan III sahaja/ *II and III only*
 C III dan IV sahaja/ *III and IV only* D I dan IV sahaja/ *I and IV only*
18. Seorang atlet mengalami kemalangan dalam suatu pertandingan. Kemalangan itu menyebabkan kecederaan otak yang menjejaskan kebolehan koordinasi badannya. Bahagian otak manakah yang terjejas?
An athlete had an accident in a competition. The accident caused injury to the brain that affects his body coordination ability. Which part of the brain is affected?
- A. Medula oblongata/*Medulla oblongata* B. Hipotalamus/*Hypothalamus*
 C. Serebelum/*Cerebellum* D. Serebrum/*Cerebrum*
19. Apakah yang akan berlaku jika otot pektoralis minor seekor burung tercedera?
What happens if pectoralis minor muscle of a bird is injured?
- A. Burung tidak boleh bergerak ke hadapan
The bird will not be able to move forward
 B. Burung tidak boleh meluncur
The bird will not be able to glide
 C. Burung tidak boleh menggerakkan sayapnya ke bawah dan ke belakang
The bird will not be able to move its wings downwards and backwards
 D. Burung tidak boleh menggerakkan sayapnya ke atas dan ke hadapan
The bird will not be able to move its wings upwards and forward

20. Hormon yang manakah berkait rapat dengan penebalan dinding uterus wanita semasa kitar haid?
Which hormones are most closely related with the thickening of the uterine lining in females during the menstrual cycle?


- A. Progesteron dan testosteron
Progesterone and testosterone
- B. Estrogen dan progesteron
Oestrogen and progesterone
- C. Hormon perangsang folikel dan estrogen
Follicle stimulating hormone and oestrogen
- D. Hormon perangsang folikel dan testosteron
Follicle stimulating hormone and testosterone

21. Rajah 11 menunjukkan keratan rentas akar tumbuhan eudikot. Antara sel berikut, yang manakah membentuk tisu asas dalam tumbuhan?
Diagram 11 shows the cross section of the root of a eudicot plant. Which of the following cells form the ground tissues in plants?



Rajah 11/Diagram 11

22. Rajah 12 menunjukkan susunan radas suatu eksperimen.
Diagram 12 shows an apparatus set up of an experiment.




Rajah 12/Diagram 12

Antara faktor berikut, yang manakah menyebabkan gelembung udara bergerak dari L ke M dalam masa yang paling singkat.

Which of the following factors causes the air bubble to move from L to M in the shortest period of time.

- A Suhu persekitaran bertambah
Surrounding temperature increases
- B Pergerakan udara berkurang
Air movement decreases
- C Kelembapan udara relatif bertambah
Relative humidity increases
- D Keamatan cahaya berkurang
Light intensity decrease

23. Rajah 13 menunjukkan satu komponen sel tumbuhan .
Diagram 13 shows a component of a plant cell.



Rajah 13/Diagram 13


Apakah kesan kerosakan struktur X terhadap fungsi komponen tersebut.
What is the effect of the damage on structure X towards the function of the component?

- A Kepekatan gas oksigen meningkat
The concentration of oxygen increases
 - B Kepekatan gas karbon dioksida meningkat
The concentration of carbon dioxide increases
 - C Lebih banyak molekul air dihasilkan
More water molecules are produced
 - D Lebih banyak glukosa dihasilkan
More glucose are produced
24. Seorang petani mendapati bahawa daun pokok kegemarannya berubah menjadi warna ungu. Kekurangan nutrien apakah yang dialami pokok itu.
A farmer found that the leaves of his favourite plant have turn purple. What nutrient is the plant lacking?
- A Fosforus / *Phosphorous*
 - B Magnesium / *Magnesium*
 - C Nitrogen / *Nitrogen*
 - D Karbon / *Carbon*

25. Sel rambut akar adalah penting untuk pengambilan air dalam tumbuhan. Pernyataan berikut yang manakah benar mengenai sel tersebut?
Root hair cells are important for the intake of water in plants. Which of the following statements about the cells are correct?

- A Ia adalah sebahagian dari sel epidermis
It is the part of epidermal cell
- B Air memasuki sel tersebut melalui pengangkutan aktif
Water enters the cell by active transport
- C Sel dilitupi dengan lapisan kutikel nipis
The cells are covered by a thin layer of cuticle

26. Rajah 14 menunjukkan satu keratan rentas batang monocot.
Diagram 14 shows a cross section of a monocot stem.



Rajah 14/Diagram 14

Antara bahagian A, B, C dan D, yang manakah adalah berkas vaskular?
Which part of A, B, C and D is a vascular bundle?

27. Xilem adalah tisu pengangkutan air. Antara yang berikut, yang manakah daya pendorong utama pergerakan air ke atas bagi suatu pokok tinggi dari akar ke daun?
Xylem is the tissue for the transport of water. Which of the following is the major driving force for the upward movement of water in a tall tree from the root to the leaves?

- A Tekanan akar / *root pressure*
- B Tindakan kapilari / *capillary action*
- C Tarikan transpirasi / *transpirational pull*
- D Osmosis / *osmosis*


28. Pernyataan dibawah menerangkan fungsi sejenis fitohormon.
The statement below explains the functions of a phytohormone.

- Mencetuskan partenokarpi
Triggers partenocarp
- Merangsang pertumbuhan sekunder
Stimulates secondary growth
- Digunakan sebagai racun rumpai
Used as weed killer

Apakah fitohormon yang menjalankan semua fungsi tersebut.
What is the phytohormone that carries out all the functions.

- A Auksin / *Auxin*
- B Sitokinin / *Cytokinin*
- C Etilena / *Ethylene*
- D Giberelin / *Gibberellin*

29. Rajah 15 menunjukkan keratan membujur bagi sekuntum bunga.
Diagram 15 shows a longitudinal section of a flower.



Rajah 15/Diagram 15

Antara bahagian berlabel A, B, C dan D, yang manakah berlaku perkembangan debunga?
Which of the following part labelled A, B, C and D takes place in the development of pollen grains?

Which of the following part labelled A, B, C and D takes place in the development of pollen grains?

30. Sesetengah tumbuhan mempunyai sel-sel yang khusus yang membolehkannya untuk menggulungkan daun. Apakah kebaikan penyesuaian ini?
Some plants have special cells that can roll up their leaves. What is the advantage of the adaptation?

- A Mengurangkan luas permukaan yang terdedah kepada cahaya matahari untuk mengurangkan kehilangan air
Decrease the surface area exposed to sunlight to reduce water loss
- B Membolehkan stoma terbuka untuk pertukaran gas
Allow stomata to open for gaseous exchange
- C Meningkatkan kadar fotosintesis
Increase the rate of photosynthesis
- D Melindungi stoma daripada musnah
Protect the stomata from damage

31. Antara berikut, yang manakah ialah urutan hierarki yang betul dalam pengelasan organisma?

Which of the following is the correct sequence in the classification of organisms?

- A Kelas → Order → Famili → Genus → Spesies
Class → Order → Family → Genus → Species
- B Order → Famili → Kelas → Genus → Spesies
Order → Family → Class → Genus → Species
- C Genus → Spesies → Order → Famili → Kelas
Genus → Species → Order → Family → Class

32. *Musca domestica* ialah nama saintifik untuk lalat rumah. Antara yang berikut, manakah yang betul tentang kumpulan pengelasan untuk nama saintifik lalat rumah?

Musca domestica is the scientific name for the housefly. Which of the following is true about the classification group for the scientific name of the housefly?

	<i>Musca</i>	<i>domestica</i>
A	Filum / <i>Phylum</i>	Kelas / <i>Class</i>
B	Genus / <i>Genus</i>	Spesies / <i>Species</i>
C	Famili / <i>Family</i>	Spesies / <i>Species</i>
D	Kelas / <i>Class</i>	Genus / <i>Genus</i>

33. Jadual 1 menunjukkan jumlah tenaga yang diperolehi semasa Zakuan memakan pengeluar dan pengguna primer.

Table 1 shows the amount of energy available when Zakuan feeds on a producer and a primary consumer.

	Pengeluar Producer	Pengguna primer Primary consumer
Jumlah tenaga diperolehi /kJ <i>Amount of energy available / kJ</i>	1000	100

Jadual 1 / *Table 1*

Berdasarkan pemindahan tenaga, pernyataan manakah yang paling tepat menerangkan Jadual 1?

Based on energy transfer, which statement best explains Table 1?

- A Kurang tenaga dalam pengeluaran kerana bukan semua tenaga cahaya matahari dapat diserap
Less energy is available in producers as not all light energy from the sun can be absorbed.
- B Kurang tenaga dalam pengguna primer kerana ia menyimpan kebanyakan tenaga sebagai karbohidrat.
Less energy is available in the primary consumer as it stored most of the energy as carbohydrates.
- C Lebih banyak tenaga dalam pengeluaran kerana terdapat jumlah pengeluaran yang sangat banyak.
More energy is available in producers as they exist in greater numbers.
- D Lebih banyak tenaga diperolehi oleh ZAKUAN jika dia memakan pengeluaran kerana sebahagian besar tenaga akan hilang apabila berpindah daripada satu aras trof ke aras trof yang lain.
More energy is available to Zakuan if he feeds on producers as most of the energy is lost as it is transferred from one trophic level to another.

34. Rajah 16 menunjukkan suatu interaksi antara dua organisma.
Diagram 16 shows an interaction between two organisms.



Rajah 16 / Diagram 16

Apakah jenis interaksi tersebut?
What is the type of the interaction?

- A Mutualisme/ *Mutualism*
- B Parasitisme/ *Parasitism*
- C Saprofitisme / *Saprophytism*
- D Komensalisme/ *Comensalism*

35. The following steps were done to study the level of water pollution in the Terengganu River.

Langkah-langkah berikut telah dijalankan bagi mengkaji tahap pencemaran air di Sungai Terengganu.

P: Rekodkan masa yang diambil untuk pelunturan warna larutan metilena biru
Record the time taken for methylene blue solution to decolourise

Q: Isi botol reagen dengan sampel air
Fill the reagent bottle with water samples

R: Gunakan picagari untuk memasukkan 1ml larutan metilena biru
Use a syringe to inset 1ml of methylene blue solution

S: Simpan botol reagen di dalam almari
Keep the reagent bottle in a cupboard

Antara berikut, manakah urutan yang betul?
Which of the following sequences is correct?


A P → Q → R → S

B R → P → Q → S

C Q → R → S → P

D S → R → Q → P

36. Rajah 17 menunjukkan pewarisan kumpulan darah dalam sebuah keluarga.
Diagram 17 shows the inheritance of blood groups in a family.



Rajah 17 / Diagram 17

I^A dan I^B menunjukkan alel untuk penghasilan antigen A dan B masing-masing, dan I^O menunjukkan alel untuk tiada penghasilan antigen.

Antara yang berikut, manakah yang menunjukkan genotip individu 2 dan 4 dengan betul?


I^A and I^B represent the alleles for the production of antigens A and B respectively, and I^O represent the allele for no antigen production. Which of the following is correct to show the genotypes of individuals 2 and 4?

	Individu 2 / Individual 2	Individu 4 / Individual 4
A	$I^A I^B$	$I^A I^O$
B	$I^B I^O$	$I^A I^O$
C	$I^B I^O$	$I^A I^A$
D	$I^B I^O$	$I^O I^O$

37. Dua kembar seiras mempunyai saiz badan yang berbeza. Apakah faktor yang menyebabkan situasi itu?
Two identical twins have different body sizes. What is the factor that causes the situation?

- A Interaksi di antara faktor genetik dan faktor persekitaran
The interaction between genetic and environmental factors
- B Genotip yang berbeza
Different genotypes
- C Persekitaran yang berbeza di mana mereka dibesarkan
Differences in the environment they are raised.
- D Persaingan sesama sendiri
Competition between each other

38. Rajah 18 menunjukkan sejenis mutasi kromosom.
Diagram 18 shows a type of chromosomal mutation.



Rajah 18 / Diagram 18

Antara berikut, manakah proses yang menyebabkan mutasi ini?
Which of the following process causes the mutation?

- A Pelenyapan/*Deletion*
- B Translokasi/*Translocation*
- C Penyongsangan/*Inversion*
- D Penggandaan/*Duplication*

39. Dalam terapi gen, seorang saintis mengasingkan gen normal DNA manusia dan masukkan ke dalam plasmid. Plasmid dimasukkan ke dalam sel bakteria agar lebih banyak plasmid dapat dihasilkan. Setelah mengasingkan plasmid dari sel bakteria, saintis memasukkan DNA plasmid ke dalam sel kultur tisu manusia menggunakan virus.

In gene therapy, a scientist isolates a human DNA normal gene and inserts it into a plasmid. The plasmid is inserted into a bacterial cell, so more plasmid can be produced. After isolating the plasmid from the bacterial cells, the scientist inserts the plasmid DNA into a human tissue culture using a virus.

Manakah antara pernyataan berikut mengenai vektor adalah benar?

Which of the following statements regarding vectors is true?

- A Satu vektor digunakan dalam eksperimen ini
One vector was used in this experiment
 - B Dua vektor berlainan digunakan dalam eksperimen ini
Two different vectors were used in this experiment
 - C Tiga vektor berlainan digunakan dalam eksperimen ini
Three different vectors were used in this experiment
 - D Eksperimen ini tidak melibatkan penggunaan vektor
This experiment did not involve the use of vectors
40. Teknologi DNA rekombinan telah berjaya menghasilkan banyak tanaman contohnya nanas, kacang soya dan tomato yang mempunyai ciri-ciri yang diinginkan.

Recombinant DNA technology has successfully produced many beneficial varieties of crops examples pineapple, soya bean and tomato that has desired characteristics.

Antara pengubahsuaian yang berikut, manakah boleh dilakukan pada tomato dengan menggunakan teknologi DNA rekombinan.

Which of the following modifications can be in tomatoes using recombinant DNA technology?


- I Meningkatkan nilai nutrisi/*increase nutritional value*
 - II Meningkatkan rasa manis tomato/*increase the sweet taste in tomatoes*
 - III Kos penghasilan tomato tinggi/*increase cost of tomatoes production*
 - IV Meningkatkan penggunaan pestisid/*increase the usage of pesticide*
- A I dan II sahaja/*I and II only*
 - B II dan III sahaja/*II and III only*
 - C III dan IV sahaja/*III and IV*
 - D I dan IV sahaja/*I and IV only*

BAHAGIAN A: SOALAN STRUKTUR
SECTION A: STRUCTURED QUESTIONS

SET 1

1. Rajah 1.1 menunjukkan satu sel haiwan P, Q dan R adalah struktur yang terdapat dalam sel.

Diagram 1.1 shows an animal cell P, Q and R are the structures found in a cell.



Rajah 1.1 / Rajah 1.1

- (a) Berdasarkan Rajah 1.1;
Based on Diagram 1.1;

- (i) Namakan struktur berlabel R.
Name the structure labelled R.

.....
[1 markah]


- (ii) Nyatakan fungsi Q.
State the function of Q.

.....
.....
[1 markah]

- (iii) Labelkan struktur yang terlibat dalam pembentukan gentian gelendung semasa pembahagian sel sebagai S.
Label the structure involved in the formation of spindle fiber during cell division as S.

[1 markah]

(b) Rajah 1.2 menunjukkan satu sel tumbuhan.
 Diagram 1.2 shows the plant cells.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

(i) Struktur L berfungsi menyimpan sap sel yang mengandungi air dan gula yang dikelilingi oleh membran. Namakan membran tersebut dan nyatakan ciri membran tersebut.
 The L structure is to store cell sap such that contain water and sugar surrounded by the membrane. Name the membrane and state the characteristic of the membrane.

.....


[2 markah]

(ii) Nyatakan struktur yang berfungsi untuk mengekalkan bentuk sel tumbuhan.
 State the structure that maintain the shape of the plant cells.

.....

[1 markah]

2. Rajah 2.1 menunjukkan satu formula struktur ringkas bagi satu molekul disakarida. Molekul ini boleh diuraikan kepada dua molekul yang lebih ringkas.
 Diagram 2 shows a simplified structural formula of a disaccharide molecule. This molecule can be broken down into two simpler molecules.



Rajah 2.1 / Diagram 2.1


(a)(i) Apakah nama proses penguraian molekul disakarida ini?
What is the name of process to breakdown a disaccharide molecule?

.....
[1 markah]

(ii) Terangkan proses yang dinyatakan di atas.
Explain the process stated above.

.....
[2 markah]

(b) Rajah 2.1 di bawah menunjukkan contoh sumber disakarida
Diagram 2.1 below shows example source of disaccharides.



Rajah 2.2 / Diagram 2.2


(i) Apakah bahan yang terhasil selepas molekul disakarida ini diuraikan?
What substance is produced after the disaccharide molecule is broken down?

.....
[1 markah]

(ii) Bahan yang diperoleh di b(i) dipanaskan dengan larutan Benedict dalam satu tabung uji. Terangkan pemerhatian anda.
The substances obtained in b(i) is heated with Benedict's solution in a test tube. Explain your observation.

.....
[2 markah]

3. Rajah 3.1 menunjukkan struktur membran plasma satu sel tumbuhan pokok keembong (*Impatiens balsamina*) berdasarkan model mozek bendalir. Diagram 3.1 shows the structure of the plasma membrane of the balsam plant (*Impatiens balsamina*) based on a fluid mosaic model.



Rajah 3.1 / Diagram 3.1

Berdasarkan Rajah 3.1;
Based on Diagram 3.1;

- (a) Namakan bahagian berlabel Y dan Z
Name the parts labelled Y and Z

Y : Z :
[2 markah]

- (b) (i) Berikan satu contoh bahan yang boleh melalui bahagian X
Give an example of a substance that can pass through part X

.....
[1 markah]


- (ii) Nyatakan **dua** ciri bahan yang dinamakan di b(i).
State **two** characteristics of the substance named in b(i).

1.
2.
[2 markah]

- (c) Terangkan bagaimanakah kuantiti baja yang digunakan menyebabkan pokok keembong menjadi layu.
Explain how the quantity of fertilizer used causes the balsam plant to wilt.

.....
.....
[2 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan tiga jenis sendi J, K dan L dalam rangka manusia.
Diagram 4 shows three types of joint J, K and L in the human skeleton.



Rajah 4 / Diagram 4

(a)(i) Namakan jenis sendi K
Name the type of joint K.

.....
[1 markah]

(ii) Terangkan tindakan otot berantagonis pada sendi J dalam pergerakan membengkokkan lengan.
Explain the action of the antagonistic muscle at joint J in arm bending.

.....
.....
[2 markah]


(iii) Nyatakan perbezaan antara sendi J dan L
State a different between joint J and L

.....
[1 markah]

(b) Seorang lelaki mengalami kemalangan jalan raya dan menyebabkan kaki kanannya cedera parah dan terpaksa dipotong.
Terangkan bagaimana penggunaan otot buatan membantu individu yang kehilangan anggota badan.
*A man involves in an accident had a serious injury at right leg and amputated.
Explain how synthetic muscle used to help individual with missing limbs.*

.....
.....
.....
[3 markah]

5. Rajah 5 menunjukkan proses sintesis protein dan perembesan enzim oleh satu sel.
 Diagram 5 shows the process of synthesis and secretion of enzyme by a cell.



Rajah 5 / Diagram 5

(a) Apakah yang dilabel sebagai T?
 What is labelled as T?

.....
 [1 markah]

(b) Namakan jenis enzim yang dihasilkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.
 Name types of enzyme produced as shown in the Diagram 5.

.....
 [1 markah]

(c) Huraikan pembentukan enzim berdasarkan Rajah 5.
 Describe the formation of enzymes based on Diagram 5

.....


 [3 markah]

(d) Nyatakan enzim yang digunakan dalam penghasilan produk bijirin dan terangkan fungsi enzim tersebut.
 State an enzyme which is used in producing cereal grain products and explain the function of the enzyme.

.....

 [3 markah]

- 6(a) Rajah 6.1 menunjukkan proses pembentukan gamet dan pembentukan zigot dalam manusia.
 Diagram 6.1 shows gamete formation processes and zygote formation in human.



Rajah 6.1 / Diagram 6.1

- (i) Namakan proses Y.
 Name process Y

..... [1 markah]


- (ii) Nyatakan bilangan kromosom dalam:
 State the number of chromosomes in:

Sel gamet / Gamete cell:

Zigot / Zygote:

[1 markah]

- (b) Rajah 6.2 menunjukkan perkembangan fetus manusia.
 Diagram 6.2 shows development of foetus in human.



Rajah 6.2(a) / Diagram 6.2(a)

Berdasarkan Rajah 6.2(a);
 Based on Diagram 6.2(a);

- (i) Nyatakan perubahan yang berlaku dari peringkat P ke peringkat Q.
 State the changes occur from stage P to stage Q.


.....
 [1 markah]

- (ii) Nyatakan jenis kembar yang terhasil jika embrio yang terbentuk membahagi kepada dua.
 State type of twin produced if the embryo formed split into two.

.....
 [1 markah]

- (iii) Terangkan mengapa kembar yang dinyatakan dalam (b)(ii) berkongsi plasenta.
 Explain why the twin stated in (b)(ii) share a placenta.

.....
 [2 markah]



Rajah 6.2(b) / Diagram 6.2(b)

- (iv) Nyatakan **satu** persamaan dan **satu** perbezaan di antara kembar yang dinyatakan dalam (b)(ii) dengan kembar dalam Rajah 6.2(b).
State one similarity and one different between type of twin stated in (b)(ii) with the twin in Diagram 6.2(b).

Persamaan / Similarity:

.....

Perbezaan / Different:

.....

[2 markah]

- 7. Rajah 7 menunjukkan satu organel yang biasanya dijumpai dalam sel manusia.
Diagram 7 shows an organelle commonly found in human cells.



Rajah 7.1 / Diagram 7.1

(a) Organel ini merupakan 'tapak penjana tenaga' bagi sel.
The organelle is the 'powerhouse' of the cell.

(i) Nyatakan proses biokimia yang berlaku dalam organel ini.
State the biochemical process that occurs in this organelle.

.....
 [1 markah]

(ii) Tuliskan persamaan perkataan untuk proses dalam (a)(i).
Write the word equation for the process in (a)(i).

.....
 [1 markah]


(iii) Ramalkan apa yang berlaku kepada hasil-hasil tindak balas dalam proses di (a)(i)?
Predict what will happen to the products of the reaction in a process (a)(i)?

.....
 [2 markah]

(iv) Nyatakan sumber bagi substrat utama tindak balas dalam (a)(i). Terangkan.
State the source of the main substrate for the reaction in (a)(i). Explain.

.....
 [2 markah]

(b) Rajah 7.2 menunjukkan jumlah tenaga yang dihasilkan oleh organisma A dan B melalui proses-proses penghasilan tenaga.
Diagram 7.2 shows total energy produced by organisms A and B through the processes of energy production.



Rajah 7.2 / Diagram 7.2

Bandungkan proses-proses penghasilan tenaga dalam organisma A dan B dengan memberikan **satu** persamaan dan **dua** perbezaan.

*Compare the processes of energy production in organism A and B by giving **one** similarity and **two** differences.*

Persamaan:

Similarity :

Perbezaan 1:

Difference 1:


Perbezaan 2:

Difference 1:

[3 markah]

8. Rajah 8 menunjukkan struktur sistem peredaran darah manusia. Sistem peredaran ini dikategorikan sebagai sistem peredaran ganda dua lengkap.

Diagram 8 shows the structure of the human blood circulatory system. This circulatory system is categorized as a double- complete circulatory system.



Rajah 8 / Diagram 8

(a) Terangkan maksud peredaran ganda dua lengkap
Explain the meaning of double complete circulation.

.....
[1 markah]

- (b) Salur darah X mengangkut darah beroksigen dan salur darah Y mengangkut darah terdeoksigen.

Terangkan dua perbezaan struktur salur darah tersebut untuk menjalankan fungsinya.
Blood vessel X transports oxygenated blood and blood vessel Y transports deoxygenated blood. Explain the two differences in the structure of these blood vessels to perform their functions.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Ahmad jatuh pingsan setelah berdiri dalam perbarisan melebihi 2 jam. Jika anda seorang doktor, jelaskan mengapa Ahmad pingsan dan bagaimanakah cara hendak mengatasi masalah ini.

Ahmad fainted after standing in a parade for more than 2 hours. If you a doctor, explain why Ahmad fainted and how to overcome this problem.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Aliran darah dalam salur darah X dan Y mengalir secara sehalu. Terangkan pendapat anda sekiranya aliran darah mengalir secara dua hala.


Blood flow in human blood vessels X and Y flows one way. Explain your opinion if the blood flows in two directions.

.....
.....

[2 markah]

BAHAGIAN B: SOALAN ESEI (RESPON TERTUTUP)
SECTION B: ESSAY QUESTIONS (CLOSED RESPONSE)

9(a) Rajah 9.1 menunjukkan kitar sel suatu organisma.
 Diagram 9.1 shows a cell cycle of an organism.



Rajah 9.1 / Diagram 9.1

(i) Apakah yang berlaku semasa fasa S
 What happens during phase S


[2 markah]

(ii) Terangkan proses Y dalam sel tumbuhan.
 Explain the process Y in plant cell.

[2 markah]

(b) Rajah 9.2 menunjukkan satu teknik yang digunakan oleh seorang peladang untuk menghasilkan lobak dalam jumlah yang banyak dalam masa yang singkat untuk tujuan komersil.

Diagram 9.2 shows a technique used by a farmer to produce large quantities of carrots in a short time for commercial purposes.



Rajah 9.2 / Diagram 9.2


(i) Huraikan teknik tersebut.
Describe the technique

[4 markah]

(ii) Terangkan kelebihan teknik tersebut
Explain the advantage of the technique

[2 markah]

(c) Rajah 9.3 menunjukkan dua jenis pembahagian sel, P dan Q.
Diagram 9.3 shows two types of cell division, P and Q.




Rajah 9.3 / Diagram 9.3

Terangkan perbezaan antara pembahagian sel P dan pembahagian sel Q.
Explain the differences between cell division P and Q.

[10 markah]

10. (a) Rajah 10.1 menunjukkan struktur otak manusia
Diagram 10.1 shows a human's brain structure.



Rajah 10.1 / Diagram 10.1

Berdasarkan Rajah 10.1, namakan struktur berlabel P. Dengan menggunakan satu contoh hormon yang dirembeskan, terangkan mengapa struktur P dikenali sebagai kelenjar tanpa duktus dan kelenjar utama sistem endokrin
Based on Diagram 10.1, name structure P. By using one example of hormones secreted, explain why structure P is known as ductless gland and mastery gland of endocrine system.

[4 markah]

- (b) Encik X merupakan seorang bekas penagih dadah dan terlibat dengan kempen kesedaran anti dadah pada masa kini. Beliau telah dijemput untuk memberikan ceramah tentang kesan penyalahgunaan dadah stimulan dan dadah depresen terhadap koordinasi saraf dan kesihatan manusia semasa minggu anti dadah di sekolah.
Mr. X is one of ex-drug addict and nowadays, he is involved to give awareness campaign anti-drugs. He is invited to give a speech related impacts of misuse of stimulant and depressant drugs on human coordination nerves and human health during anti-drugs week at the school.

Berdasarkan pengetahuan biologi anda, apakah kandungan ceramah Encik X tentang bagaimana penyalahgunaan dadah stimulan dan dadah depresen mempengaruhi koordinasi saraf dan kesihatan manusia.
Based on your biological knowledge, discuss the content of Mr. X's speech on how misuse of stimulant and depressant drugs affects the coordination of one's nerves and on human health.

[6 markah]

- (c) Sistem endokrin dan sistem saraf memainkan peranan yang penting dalam mengawal homeostasis. Kedua-dua sistem ini sentiasa bekerjasama. Sebagai contoh, terdapat sistem saraf yang merangsang atau merencat pengeluaran hormon, manakala sesetengah hormon menambah atau merencat penghasilan impuls saraf. Oleh itu, di samping mempunyai sistem saraf, kita juga memerlukan sistem endokrin.
- The endocrine system and the nervous system play important roles in maintaining homeostasis. Both systems often work together. For example, certain parts of the nervous system stimulate or inhibit the release of hormones while some hormones promote and inhibit the generation of nerve impulses. Hence, despite having the nervous system, we do need the endocrine system.*

Berdasarkan kenyataan di atas, terangkan persamaan dan perbezaan di antara sistem endokrin dan sistem saraf.

Based on the statement, explain the similarities and differences between the endocrine system and nervous system.

[10 markah]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI (RESPON TERBUKA)
SECTION C: ESSAY QUESTIONS (OPENED RESPONSE)

11. (a) Rajah 11.1 menunjukkan sejenis produk perubatan yang dihasilkan secara bioteknologi.

Diagram 11.1 shows a medicinal product manufactured by biotechnology.



Rajah 11.1/ Diagram 11.1

Terangkan bagaimanakah mikroorganisma digunakan dalam penghasilan produk perubatan yang ditunjukkan dalam Rajah 11.1

Explain how microorganisms are used in producing the medical products shown in Diagram 11.1

[5 markah]

(b) Jadual 11.1 menunjukkan satu Rancangan Pengimunan yang diberikan kepada bayi yang baru lahir sehingga berusia 2 tahun di Malaysia.
 Table 11.1 shows an Immunization Plan given to the newborn up to 2 years old baby in Malaysia.

Umur / Age	Jenis Pengimunan / Type of immunization	
Bayi baru lahir <i>Newborn</i>	Tuberculosis / <i>Tuberculosis</i> Hepatitis B / <i>Hepatitis B</i>	(Dos pertama) (<i>First dose</i>)
1 bulan <i>1 Month</i>	Hepatitis B / <i>Hepatitis B</i>	(Dos kedua) (<i>Second dose</i>)
3 bulan <i>3 Month</i>	Antigen Tigaan / <i>Triple antigens</i> Polio / <i>Polio</i> Lumpuh / <i>Paralysed</i>	(Dos pertama) (<i>First dose</i>)
4 bulan <i>4 Month</i>	Antigen Tigaan / <i>Triple antigens</i> Polio / <i>Polio</i> Lumpuh / <i>Paralysed</i>	(Dos ke dua) (<i>Second dose</i>)
5 bulan <i>5 Month</i>	Antigen Tigaan / <i>Triple antigens</i> Polio / <i>Polio</i> Lumpuh / <i>Paralysed</i>	(Dos ketiga) (<i>Third dose</i>)
	Hepatitis B / <i>Hepatitis B</i>	(Dos ketiga) (<i>Third dose</i>)
9- 24 bulan <i>9 – 24 Month</i>	Campak German <i>German measles</i>	(Dos Tunggal) (<i>Single dose</i>)
1 ½ - 2 tahun <i>1 ½ - 2 year</i>	Antigen Tigaan / <i>Triple antigens</i> Polio / <i>Polio</i> Lumpuh / <i>Paralysed</i>	(Dos Keempat) (<i>Fourth dose</i>)

Jadual 11.1 / Table 11.1

Berdasarkan Jadual 11.1, terangkan mengapa setiap ibu bapa mesti mematuhi Rancangan Pengimunan di atas.

Based on Table 11.1, explain why each parent must adhere to the above Immunization Plan.

[10 markah]

(c) AIDS (Sindrom kurang daya tahan penyakit) merupakan penyakit yang melumpuhkan sistem keimunan pesakit.

Cikgu M diarahkan untuk memberi ceramah kepada pelajar tentang langkah-langkah pencegahan AIDS sempena Minggu Kesihatan.

Apakah yang perlu disampaikan oleh Cikgu M? Bincangkan.

AIDS is a disease that paralyzes the patient's immune system.

Teacher M was instructed to give a talk to students on AIDS prevention measures in conjunction with Health Week.


What does teacher M need to convey? Discuss.

[5 markah]

BAHAGIAN A: SOALAN STRUKTUR
SECTION A: STRUCTURED QUESTIONS

SET 2

1. Rajah 1.1 menunjukkan keratan rentas lamina daun.
Diagram 1.1 shows a cross section of a leaf lamina.



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

(a) Berdasarkan Rajah 1.1
Based on Diagram 1.1

(i) Namakan X dan Y / *Name X and Y:*

X:..... Y:
[2 markah]

(ii) Nyatakan fungsi X / *State the function of X:*

.....
[1 markah]

(b) Struktur Y berbentuk tidak sekata dan selnya tersusun longgar. Terangkan kepentingan ciri penyesuaian tersebut.
Structure Y has irregular shape and its cell are loosely arranged. Explain the importance of this structure.


.....

 [2 markah]

(c) Nyatakan satu ciri pada struktur W yang membantu menghalang kehilangan air berlebihan dari daun.
State a characteristic of structure W that help to prevent excessive loss of water in the leaf.

.....
 [1 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan struktur dua jenis asid lemak.
Diagram 2 shows the structure of two types of fatty acids.



Rajah 2 / Diagram 2

(a) Kenal pasti molekul M dan N.
Identify molecule M and N.

M: N:
 [2 markah]

(b) Nyatakan dua sifat molekul M.
State two characteristics of molecule M.

1.
 2.
 [2 markah]

(c)

Pengambilan makanan yang mengandungi terlalu banyak molekul M didapati menyebabkan kesan yang memudaratkan kesihatan seperti serangan jantung.

Consumption of food containing excessive molecule M are widely reported to result in detrimental effects on health such as heart attack.

Terangkan bagaimana molekul M boleh menyebabkan keadaan seperti di atas.
Explain how molecule M can cause the above condition.

.....

.....

[2 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan jenis tumbuhan yang berdasarkan jangka hayatnya iaitu tumbuhan semusim, tumbuhan dwimusim dan tumbuhan saka.


Diagram 3 shows the types of plants based on their lifespan, namely seasonal plants, biennials plants and perennial plants.



Pokok P / *Plant P*



Pokok Q / *Plant Q*



Pokok R / *Plant R*

Rajah 3 / *Diagram 3*

(a) Berdasarkan Rajah 3, padankan jenis pokok berdasarkan jangka hayat tumbuhan tersebut.

Based on Diagram 3, match the type of plant based on the life span of the plant.

Jenis Pokok <i>Type of plant</i>
Pokok P <i>Plant P</i>

Pokok R <i>Plant R</i>

Jangka hayat tumbuhan <i>Life span of plant</i>
Tumbuhan saka. <i>Perennial plant</i>
Tumbuhan semusim <i>Seasonal plant</i>
Tumbuhan dwimusim <i>Biennials plant</i>

[2 markah]


(b) Terangkan maksud tumbuhan saka.
Explain the meaning of perennial plants.

.....
.....
[2 markah]

(c) Justifikasikan jenis tumbuhan yang manakah yang dapat mengekalkan spesiesnya hidup dalam persekitaran yang sukar.
Justify the type of plant that can sustain its species living in difficult environments.

.....
.....
.....
[3 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan peringkat berlainan yang berlaku semasa pembahagian sel.
Diagram 4 shows the different stages which take place during cell division.



Rajah 4/ Diagram 4

(a) Namakan fasa K dan M yang ditunjukkan dalam Rajah 4.
Name phase K and M shown in Diagram 4.

.....
[2 markah]

(b) Susunkan peringkat-peringkat dalam Rajah 4 mengikut tertib yang betul semasa pembahagian sel.
Arrange the stages in Diagram 4 according to the correct sequence of events during cell division.

.....
[1 markah]

(c) Encik Fauzi telah didiagnosis mengidap satu penyakit di mana berlaku pembentukan sejenis ketumbuhan atau tumor pada bahagian usus besarnya. Hasil ujian darah menunjukkan terdapat sel-sel tumor dari bahagian usus dalam darah beliau.
Mr. Fauzi has been diagnosed suffering from a disease which causes the development of tumor in his large intestine. The blood test shows the existence of the tumor cells from his intestine in his blood.


(i) Apakah jenis tumor yang telah terbentuk di usus beliau dan terangkan bagaimana tumor tersebut boleh terbentuk?
What type of tumor forms in his intestine and explain how the tumor develops?

.....
.....
.....
[3 markah]


(ii) Berdasarkan pengetahuan anda, cadangkan kaedah rawatan yang boleh dijalani oleh Encik Fauzi
Based on your knowledge, suggest the suitable treatment need to be taken by Mr. Fauzi.

.....
[1 markah]

5(a) Rajah 5.1 menunjukkan spesies tumbuhan yang mempunyai jenis nutrisi yang berlainan.
Diagram 5.1 shows plant species that have different type of nutrition.



Tumbuhan X
Plant X



Tumbuhan Y
Plant Y

Rajah 5.1 / *Diagram 5.1*

- (i) Namakan jenis nutrisi bagi tumbuhan X dan tumbuhan Y.
Name the type of nutrition for plant X and plant Y.

Tumbuhan X / *Plant X*:

Tumbuhan Y / *Plant Y*:

[1 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** perbezaan antara nutrisi bagi tumbuhan X dan tumbuhan Y.
State two differences between nutrition of plant X and plant Y.

Tumbuhan X <i>Plant X</i>	Tumbuhan Y <i>Plant Y</i>

[2 markah]

- (b) Rajah 5.2 menunjukkan sejenis pokok orkid yang ditanam oleh Puan Ani di satu sudut dalam rumahnya dengan menggunakan pecahan batu bata, pecahan arang dan sabut kelapa.

Diagram 5.2 shows a type of orchid planted by Mrs Ani at one corner of her house using fragment of bricks, fragment of charcoals and coconut sheath.



Rajah 5.2 / *Diagram 5.2*

- (i) Mengapakah Puan Ani menggunakan sabut kelapa untuk menanam pokok orkid tersebut?

Why did Mrs Ani used coconut sheath to plant the orchid?

.....

[1 markah]

- (ii) Terangkan penyesuaian akar pokok orkid dalam pengambilan air dan garam mineral.
Explain the adaptations of the orchid roots in intake of water and mineral salts.

.....


 [2 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah faktor utama yang perlu diambil kira oleh Puan Ani sebelum meletakkan pokok orkid di sudut tersebut. Terangkan.
In your opinion, what is the main factor considered by Mrs Ani before she put her orchid at the corner of her house. Explain.

.....

 [2 markah]

6. Rajah 6.1 menunjukkan arka reflex pada manusia.
Diagram 6.1 shows the reflex arc in humans.



Rajah 6.1 / Diagram 6.1

- (a) Berdasarkan Rajah 6.1;
Based on Diagram 6.1;

- (i) Namakan neuron X / *Name the neurone X*

.....
 [1 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** perbezaan di antara neuron X dan neuron Y.
State two differences between neurons X and neurons Y

.....


[2 markah]

- (iii) Apakah kepentingan gerakbalas pada Rajah 6.1 terhadap manusia?
What is the importance of the reaction in Diagram 6.1 to human beings?

.....

[1 markah]

- (b) Rajah 6.2 menunjukkan penghantaran maklumat impuls merentasi sinaps
Diagram 6.2 shows the transmission of impulse across synapse.



Rajah 6.2 / Diagram 6.2

- (i) Terangkan penghantaran impuls merentasi sinaps.
Explain the transmission of the impulse across the synapse.

.....


[2 markah]

- (ii) Seorang atlet dalam pertandingan lari pecut telah dibatalkan pingat emas kerana terlibat dalam penggunaan dadah perangsang. Terangkan bagaimana pengambilan dadah tersebut dapat membantunya mendapat pingat emas dalam pertandingan tersebut.
An athlete in a sprint competition was disqualified from a gold medal for being involved in the use of stimulant drugs. Explain how taking the drug can help him win a gold medal in the competition.

.....

[2 markah]

7. Rajah 7 menunjukkan sejenis serangga iaitu Afid yang sedang menjalankan aktiviti untuk kemandirian hidupnya pada suatu batang tumbuhan.
Diagram 7 shows a type of insect, Aphid, which is carrying out activities for the survival of its life on a plant stem.



Rajah 7.1 / Diagram 7.1

(a) Berdasarkan Rajah 7.1;
Based on Diagram 7.1;

(i) Namakan struktur X
Name the structure X

.....
[1 markah]

(ii) Mengapakan struktur X menjadi sasaran afid?
Why is the structure X subject to aphids?

.....
[1 markah]

(b) Terangkan kesan terhadap pucuk muda tumbuhan itu apabila banyak afid menyedut kandungan di dalam struktur X dalam tempoh yang lama.
Explain the effect on the young shoots of the plant when many aphids absorb the contents in structure X over a long period of time.

.....
.....
[2 markah]

(c) "Hasil fotosintesis boleh diangkut oleh struktur X ke atas dan ke bawah pada pokok tumbuhan".

"Photosynthetic products may be transported by the structure X up and down plant".

Justifikasikan pernyataan ini.

Justify this statement.

.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Terangkan bagaimanakah racun rumpai menyebabkan tumbuhan tidak dapat melakukan proses translokasi


Explain how herbicides cause plants to be unable to carry out the process of translocation.

.....
.....

[2 markah]

8. Rajah 8.1 menunjukkan seekor binatang yang banyak terdapat di negara Australia.

Diagram 8.1 shows a type of animal which is commonly found in Australia.



Rajah 8.1 / Diagram 8.1

(a) Namakan jenis rangka haiwan dalam Rajah 8.1.

Name the type of skeleton for the animal in Diagram 8.1.

.....

[1 markah]

(b) (i) Terangkan penyesuaian anggota badan haiwan dalam Rajah 8.1 untuk melakukan pergerakan melompat.

Explain the adaptation of body part in the animal in Diagram 8.1 for the jumping movement.

.....
.....
.....

[3 markah]

(ii) Huraikan tindakan otot yang terlibat dalam menghasilkan pergerakan anggota belakang yang berlabel P.

Explain the action of muscles involve in producing the movement of hind limb which label P.

.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Atlet yang terlibat dalam sukan kategori lompatan perlu mempunyai sistem otot rangka yang kuat. Cadangkan satu contoh makanan yang sesuai untuk atlet tersebut. Berikan alasan anda.


Athlete which involves in jumping category need to have strong musculoskeletal system. Suggest a type of food suitable for the athlete. Give your reason.

.....
.....

[2 markah]

BAHAGIAN B: SOALAN ESEI (RESPON TERTUTUP)
SECTION 2: ESSAY QUESTIONS (CLOSED RESPONSE)

- 9(a) Rajah 9.1 menunjukkan 2 jenis organisma yang mempunyai sistem respirasi yang berbeza
Diagram 9.1 shows the 2 types of organisms which have different respiration systems.



Rajah 9.1/Diagram 9.1


- (i) Terangkan bagaimana penyesuaian struktur respirasi R menghalangnya daripada kempis apabila tekanan udara berkurang.
Explain how the adaptation of the respiratory structure R prevents it from collapse when the air pressure drops.

[4 markah]

- (ii) Huraikan bagaimana struktur respirasi Q dan R disesuaikan bagi menambah kecekapan pertukaran gas.
Describe how the respiratory structures of Q and R were adapted to increase the efficiency of gaseous exchange.

[6 markah]

- (b) Rajah 9.2 menunjukkan organ respirasi serangga dan manusia.
Diagram 9.2 shows respiratory organs in an insect and human.



Rajah 9.2/Diagram 9.2

Berdasarkan Rajah 9.2;
Based on Diagram 9.2;

- (i) Nyatakan struktur yang ditunjukkan oleh M dan N.
State the structure shown by M and N.

[2 markah]

- (ii) Huraikan persamaan dan perbezaan di antara organ respirasi serangga dan manusia.
Describe the similarities and differences between the respiratory organs of insect and human.

[8 markah]

10(a)(i)

Pankreas ialah kelenjar yang bertanggungjawab untuk mengekalkan aras glukosa darah dalam julat normal 75-110mg/100ml. kelompok sel langerhans dalam pankreas menghasilkan dan merembeskan hormon insulin dan glukagon secara berterusan ke dalam aliran darah untuk mengawalatur aras glukosa darah dan kekal pada julat normal.

Pancreas is a gland that is responsible for maintaining blood glucose level at the normal range of 75-110mg/ml. Langerhans cell in the pancreas produces and secretes insulin and glucagon hormones continuously into the bloodstream to regulate blood glucose level and maintain within the normal range.


Terangkan keadaan yang berlaku pada individu yang pankreasnya tidak boleh menghasilkan hormon insulin dan cadangkan cara untuk mengatasi masalah tersebut.

Explain the condition in individual whose pancrease cannot produce insulin hormone and suggest the ways to overcomes the problem.

[4 markah]

- (ii) Rajah 10.1 menunjukkan pusat kardiovaskular dalam otak serta baroreseptor aorta dan baroreseptor karotid.

Diagram 10.1 shows the cardiovascular centre in the brain and the aortic and carotid baroreceptor.




Rajah 10.1 / Diagram 10.1

Berdasarkan Rajah 10.1, terangkan mekanisme pengawalaturan tekanan darah dalam badan jika seorang individu mengalami tekanan darah tinggi.

Based on Diagram 10.1, explain the mechanism regulation of blood pressure in the body if an individual experience high blood pressure.

[6 markah]

- (b)



Individu R
Individual R

Individu S
Individual S

Rajah 10.2 / Diagram 10.2

Rajah 10.2 menunjukkan dua individu R dan individu S dalam persekitaran suhu yang berbeza. Persekitaran dalaman badan perlu dikawalatur untuk mengekalkan suhu badan pada julat normal. Suhu badan individu yang normal ialah 37°C.

Diagram 10.2 shows two individual, individual R and individual S in environment of different temperature. The internal environment of the body needs to be regulated to maintain the body temperature at the normal range. Normal individual body temperature is 37°C.

Terangkan perbezaan pengawalaturan suhu badan melalui cara fizikal dan cara kimia dalam kedua-dua individu itu.


Explain the differences in regulation of body temperature through physical and chemical methods in the individuals.

[10 markah]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI (RESPON TERBUKA)
SECTION C: ESSAY QUESTION (OPENED- RESPONSE)

11. Rajah 11 menunjukkan perut seorang individu yang telah menjalani pembedahan pintasan perut sebagai alternatif untuk rawatan pesakit obesiti

Diagram 11 shows the stomach of an individual that undergone a gastric bypass surgery as alternative to treat obesity.



Rajah 11 / Diagram 11

- (a)(i) Terangkan bagaimana pembedahan pintasan perut ini dapat dijadikan sebagai rawatan bagi mengatasi masalah obesiti.

Explain how gastric bypass procedure can be used as a treatment to overcome obesity problem.

[2 markah]

- (ii) Bincangkan kesan sampingan jangka masa pendek dan kesan jangka masa panjang pembedahan pintasan perut kepada tahap kesihatan manusia

Discuss short term side effect and long term side effects of gastric bypass on human health.

[3markah]

- (b) Jadual 1 menunjukkan makanan harian yang diambil oleh seorang ibu mengandung.
Table 1 shows a daily food intake by a pregnant mother.

Meal timings	Diet
Sarapan pagi / Breakfast 7.00 am	200ml susu dengan 3 sudu teh gula / 200ml of milk with 3 teaspoon of sugar
	1 set lengkap nasi lemak sambal sotong/ 1 complete set of nasi lemak with squid sambal
	2 slices of tuna sandwich/ 2 keping sandwich tuna
	1 fried egg / 1 telur goreng
Minum pagi /Tea break 10.00 am	2 ketul karipap / 2 pieces of currypuff
	1 cawan kopi / 1 cup of coffee
Makan tengah hari / Lunch 1.00 pm	2 bowls of rice / 2 mangkuk nasi
	1 bowl of beef curry / 1 mangkuk kari daging
	2 pieces of fried chicken / 2 ketul ayam goreng
	1 gelas teh ais / 1 glass of ice milk tea
	Sweet Curd / Dadih manis Ais cream / Ais krim
Minum petang / Tea time 4.00-5.00 pm	1 gelas minuman berkarbonat / 1 glass of carbonated drink
	1 biji burger daging berkeju / 1 beef cheese burger
	2 potongan kek / 2 slices of cakes
	3-4 slices of chapati (with Ghee) 3-4 keping capati (dengan minyak sapi)
Makan malam / Dinner 8.00 – 9.00 pm	1 mangkuk kacang Dal / 1 bowl Dal
	1 bowl of porridge/ 1 mangkuk bubur nasi
	Green Salad /Salad hijau
	250 ml air mineral /250ml of mineral water

Table 1 / Jadual 1

- (i) Berdasarkan pengetahuan anda, justifikasikan adakah menu tersebut sesuai atau tidak bagi ibu mengandung itu. Terangkan jawapan anda
Based on your knowledge, justify the menu either it suitable or not for the pregnant mother. Explain your answer.

[10 markah]


- (ii) Sebagai seorang pakar nutrisi, cadangkan menu harian baharu untuk diamalkan oleh ibu mengandung itu bagi mengelakkan masalah kesihatan kepada dirinya.
As a nutritionist, suggest new daily meal need to be practices by the pregnant mother to reduce a healthy problem for her.

[5 markah]


BAHAGIAN A: SOALAN STRUKTUR
BAHAGIAN A: STRUCTURED QUESTIONS

SET 3

1. Rajah 1(a) menunjukkan gerak balas dalam tumbuhan P dan tumbuhan Q.
Diagram 1(a) shows the response in plant P and plant Q.



Tumbuhan P / Plant P



Tumbuhan Q / Plant Q

Rajah 1(a) / Diagram 1(a)


(a) Namakan jenis gerakbalas yang ditunjukkan dalam tumbuhan P dan tumbuhan Q.
Name the type of response shows in plant P and plant Q.

Tumbuhan P/Plant P :

Tumbuhan Q/ Plant Q :

[2 markah]

(b) Rajah 1(b) menunjukkan kesan auksin terhadap pertumbuhan pucuk dan akar tumbuhan.
Diagram 1(b) shows the effect of auxin to the growth of shoot and root of the plant.



Rajah 1(b) / Diagram 1(b)

Terangkan peranan auksin dalam gerak balas geotropisme.
Explain the role of auxin in geotropism response.

.....
.....
.....

[3 markah]


(c) Maklumat berikut menunjukkan fungsi sejenis fitohormon.
The following information shows the function of a phytohormone.

- Merangsang pemasakan buah
Stimulates ripening of fruits
- Merangsang penuaan tumbuhan
Stimulates senescence process in plants

Namakan fitohormon tersebut
Name the phytohormone

.....
 [1 markah]

2(a) Rajah 2.1 menunjukkan sebahagian sistem limfa yang merupakan pelengkap kepada sistem peredaran darah.
Diagram 2.1 shows part of lymphatic system that complement to the blood circulatory system.



Rajah 2.1 / Diagram 2.1

(i) Namakan bendalir X
Name fluid X

.....
 [1 markah]

(ii) Huraikan pembentukan bendalir X
Describe the formation of fluid X

.....
 [2 markah]

- (b) Rajah 2.2 menunjukkan keadaan kaki seorang wanita hamil.
Diagram 2.2 shows the condition of pregnant woman's leg.



Rajah 2.2 / Diagram 2.2


- (i) Nyatakan keadaan yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2.
State the condition shown in Diagram 2.2

.....
[1 markah]

- (ii) Terangkan mengapa keadaan ini berlaku.
Explain why it happens.

.....
.....
[2 markah]


3. Rajah 3.1 menunjukkan organisma dalam empat daripada lima alam.
Diagram 3.1 shows organisms in four out of five kingdoms.



Alam A/ Kingdom A



Alam B/ Kingdom B



Alam C/ Kingdom C



Alam D/ Kingdom D

Rajah 3.1/ Diagram 3.1

- (a) Namakan Alam A dan Alam B.
Name Kingdom A and Kingdom B

Alam A/ Kingdom A :

Alam B/ Kingdom B :

[2 markah]


- (b) Organisma dalam Alam C tidak dikategorikan dalam alam tumbuhan kerana tidak berupaya menghasilkan makanan sendiri.
Terangkan jenis nutrisi organisma dalam Alam C.
Organism in Kingdom C and plant are not categorised in the same kingdom as they are unable to produce their own food.
Explain type of nutrition of organism in kingdom C.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Amalan negatif seperti Rajah 3.2 boleh mengundang masalah kesihatan kepada penduduk.
The negative practice in Diagram 3.2 can cause health problems to the residence.



Rajah 3.2 / Diagram 3.2

Terangkan satu penyakit yang boleh disebabkan oleh amalan tersebut.
Explain one disease which can be cause by the above practice.


.....

.....

.....

[3 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan sistem pencernaan manusia
 Diagram 4 shows the human digestive system.



Rajah 4 / Diagram 4

- (a)(i) Namakan enzim yang dirembeskan di A
 Name enzyme secreted in A

.....
 [1 markah]

- (ii) Terangkan fungsi enzim di a(i).
 Explain function of enzyme in a(i).

.....

 [2 markah]

- (b)(i) Namakan organ C
 Name organ C

.....
 [1 markah]

- (ii) Seorang lelaki menghidap kanser dan organ C beliau perlu dibuang. Terangkan kesan kepada proses pencernaan ayam goreng yang telah dimakan olehnya.
 A man is suffering from cancer, his organ C need to be removed. Explain the consequence in digestion of fried chicken that have been eaten by him.

.....


 [2 markah]

- (c) Nyatakan **SATU** perbezaan di antara proses pencernaan dalam struktur berlabel B dengan struktur berlabel D.
 State **ONE** difference between process of digestion that occur in structure B with structure D.

.....

[1 markah]

5. Rajah 5.1 menunjukkan keratan rentas daun seponon pokok yang tumbuh dalam persekitaran panas dan kering.
 Diagram 5.1 show a cross section of leaf of a plant which lives in hot and dry environment.



Rajah 5.1 / Diagram 5.1

- (a)(i) Nyatakan jenis tumbuhan ini berdasarkan penyesuaiannya kepada habitat yang dinyatakan di atas.
 State the type of the plant based on its adaptation to the habitat mentioned above.

.....

[1 markah]

- (ii) Berikan satu contoh bagi jenis tumbuhan yang dinyatakan di (a)(i).
 Give one example of the type of plant stated in (a)(i).

.....

[1 markah]

(b)(i) Nyatakan dua masalah yang dihadapi oleh tumbuhan ini untuk hidup di habitatnya.

State two problems faced by the plant to survive in its habitat.

.....
.....

[2 markah]

(ii) Berdasarkan Rajah 5.1, terangkan dua penyesuaian pada struktur daun yang membolehkan tumbuhan ini hidup di habitatnya.

Based on Diagram 5.1, explain two adaptations on the structure of the leaf to enable the plants to survive in its habitat.

.....
.....

[2 markah]

(c)


Stoma sesetengah tumbuhan gurun terbuka pada waktu malam dan tertutup pada waktu siang. <i>The stoma of some desert plants opened at night and closed during the day.</i>
--

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan bagaimana keadaan ini membolehkan sesetengah tumbuhan gurun boleh hidup kadar pertumbuhan yang minimum.
Based on the statement above, explain how this condition allows some of the desert plant to survive in minimum growth rate.

.....
.....

[2 markah]

6. Rajah 6 menunjukkan struktur nefron dan salur darah di dalam ginjal manusia.
Diagram 6 shows the structure of a nephron and the blood vessels in human kidneys.



Rajah 6 / Diagram 6

- (a) Berdasarkan Rajah 6;
Based on Diagram 6:

- (i) Namakan proses Q
Name proses Q

.....
[1 markah]

- (ii) Terangkan proses Q
Explain process Q

.....
.....
[2 markah]

(b) Jadual 1 menunjukkan kandungan hasil turasan dalam K dan S
Table 1 shows the filtrate content in K and S

Kandungan hasil turasan <i>Filtrate content</i>	Kepekatan kandungan hasil turasan (%) <i>Concentration of filtrate content (%)</i>	
	K	S
Glukosa <i>Glucose</i>	0.1	0
Amino asid <i>Acid amino</i>	7.0	0
Air <i>Water</i>	91.0	95.0
Garam mineral <i>Mineral salt</i>	1.85	2.65
Urea <i>Urea</i>	0.03	2.0

Jadual 1/ *Table 1*

Nyatakan satu perbezaan kepekatan
State one difference in the concentration

(i) Amino asid antara K dan S
Acid amino between K and S

.....
 [1 markah]

(ii) Urea antara K dan S
Urea between K and S

.....
 [1 markah]

(c) Air kencing seorang pesakit mengandungi glukosa. Apakah penyakit yang dihidapinya? Terangkan jawapan anda.
The urine of a patient contains glucose. What is the disease his suffers from? Explain your answer.


.....

 [2 markah]

(d) Nefron kanggaru yang hidup di gurun mempunyai liku Henle yang panjang. Nyatakan kesannya terhadap hasil turasan yang terbentuk di Q.
The nephrons of kangaroo in the desert have very long loop of Henle. State the effect on the filtrate formed in Q.


.....
 [1 markah]

7. Dua sel tumbuhan telah direndam di dalam dua larutan yang berbeza kepekatan. Rajah 7 menunjukkan keadaan sel selepas 20 minit
Two plant cells have been placed in sucrose solution of two different concentrations. Diagram 7 show the condition of the cells after 20 minutes.



Sel P/Cell P

Diletakkan dalam larutan sukrosa 5%
Placed in 5% sucrose solution



Sel Q/Cell Q

Diletakkan dalam larutan sukrosa 30%
Placed in 30% sucrose solution

Rajah 7 / Diagram 7


- (a)(i) Apakah jenis larutan di mana sel P diletakkan?
What type of the solution that cell P is placed?

.....
[1 markah]

- (ii) Terangkan kepentingan larutan yang diberi dalam (a)(i).
Explain the importance of the solution in (a)(i).

.....
[1 markah]

- (b)(i) Jika sel Q diletakkan semula di dalam air suling selama 20 minit, lukis keadaan sel yang dijangkakan dalam kotak di bawah.
If the cell Q is put back into distilled water for 20 minutes, draw the expected condition of the cell Q in the box provided.



[1 markah]

(ii) Terangkan jawapan anda di (b)(i)
Explain your answer in (b)(i).

.....
.....

[2 markah]

(c)(i) Terangkan mengapa meletakkan baja berlebihan kepada tanaman menyebabkan tumbuhan layu.
Explain why excessive usage of fertilizer on plants will cause the plants to wilt.

.....
.....
.....


[3 markah]

(ii) Bagaimana anda mengembalikan keadaan asal tumbuhan di (c)(i)?
How can you restore the condition of the plant in (c)(i)?

.....

[1 markah]

8. Rajah 8.1 menunjukkan ekosistem paya bakau.
Diagram 8.1 shows a mangrove ecosystem.



Rajah 8.1 / Diagram 8.1

(a)(i) Namakan proses yang menyebabkan terbentuknya zon tengah dan zon belakang dalam ekosistem itu.
Name the process that leads to the formation of middle zone and inland zone in the ecosystem.

.....

[1 markah]

- (ii) Terangkan persamaan dan perbezaan spesies tumbuhan dalam zon tengah dan zon belakng untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dalam ekosistem tersebut.

Explain the similarities and differences of plant species in middle zone and inland zone to adapt to the environment in the ecosystem.

Persamaan / Similarities:

.....

Perbezaan / Differences:

.....

[3 markah]

Kajian mengenai paya bakau di Malaysia menunjukkan bahawa terdapat 25 kali bilangan spesies ikan di kawasan tersebut dibandingkan dengan kawasan di mana bakau telah ditebang. Ini menunjukkan bahawa paya bakau adalah ekosistem produktif yang dapat memberikan banyak faedah kepada ekonomi kita.

A study on mangrove swamp in Malaysia revealed that there were 25 times number of some fish species in that areas compared to the areas where mangroves have been cutting down. It shows that the mangrove swamp is a productive ecosystem that could provide numerous benefits to our economy.

- (b) Berdasarkan kepada pernyataan di atas, terangkan kesannya kepada ekonomi apabila pokok di zon garis pantai dan zon tengah di tebang.
- Based on the statement above, explain the impact on the economy when trees in coastal zone and middle zone are cutting down.*

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Sekumpulan pelajar menjalankan satu kajian lapangan untuk menganggarkan saiz populasi kunang-kunang di ekosistem dalam Rajah 8.2. Bagaimanakah pelajar tersebut dapat menganggarkan saiz populasi kelip-kelip dengan tepat?

A group of students conducted a field study to estimate the population size of fireflies in the ecosystem in Diagram 8.2. How can the student estimate the population size of fireflies accurately?

.....

.....

[2 markah]

BAHAGIAN B: SOALAN ESEI (RESPON TERTUTUP)
SECTION 2: ESSAY QUESTIONS (CLOSED RESPONSE)

9. Fotosintesis memerlukan pigmen klorofil untuk menyerap tenaga cahaya daripada matahari, gas karbon dioksida daripada atmosfera dan air daripada tanah. Gas oksigen perlu dibebaskan sebagai hasil sampingan. Daun merupakan organ fotosintesis utama tumbuhan untuk menjalankan fotosintesis.

Photosynthesis requires chlorophyll pigment to absorb light energy from the sun, carbon dioxide gas from the atmosphere and water from the soil. Oxygen gas should be released as a by-product. The leaves are the main photosynthetic organ of plants to carry out photosynthesis.


- (a)(i) Huraikan struktur dalaman daun yang disesuaikan untuk mengoptimumkan fotosintesis.

Describe the internal structure of leaves adapted to optimize photosynthesis.

[4 markah]

- (ii) Tindak balas fotosintesis dapat diwakili oleh persamaan kimia berikut.

The reaction of photosynthesis can be represented by the following chemical equations.



Mekanisme fotosintesis melibatkan tindak balas bersandarkan cahaya dan tindak balas tidak bersandarkan cahaya. Huraikan mekanisma tindakbalas tersebut.


The mechanism of photosynthesis involves light-dependent reactions and non-light-independent reactions.

[6 markah]

- (b) Rajah 9.1 menunjukkan graf isipadu karbon dioksida yang diambil bertambah dan berkurang oleh tumbuhan mengikut keamatan cahaya yang berbeza. Titik P ialah titik pampasan di mana kadar pengambilan dan pembebasan karbon dioksida adalah pada kadar yang sama.

Diagram 9.1 shows the graph of volume of carbon dioxide intake increase and decrease by a plant at different light intensity.

Point P is compensation point where the rate of intake of carbon dioxide at the same rate.




Rajah 9.1 / Diagram 9.1

Satu tumbuhan diletakkan di dalam rumah hijau di mana keamatan cahaya dikawal pada aras optimum sepanjang hari.
Terangkan bagaimana keadaan ini mempengaruhi titik P.
A plant is planted in a greenhouse where the light intensity is controlled at optimal level along the day.
Explain how the condition affects point P.

[5 markah]

(c) Mekanisme pembukaan dan penutupan stoma bergantung pada keadaan sel pengawal yang dipengaruhi oleh pengangkutan ion kalium secara aktif ke dalam sel pengawal dan kepekatan sukrosa di dalam sap sel pengawal.
The mechanism of opening and closing of stoma depends on the condition of the guard cells affected by the transport of potassium ions actively into guard cells and the concentration of sucrose in the cell sap of the guard cells.

Rajah 9.2 menunjukkan liang stoma terbuka apabila tumbuhan dalam keadaan segar. Huraikan mekanisme pembukaan liang stoma pada tumbuhan tersebut.
Diagram 9.2 shows the stoma pores open when the plant is fresh. Describe the mechanism of opening of stoma in the plant.




Rajah 9.2 / Diagram 9.2

[5 markah]


- 10(a) Rajah 10.1 menunjukkan keratan rentas bunga.
Rajah 10.2 menunjukkan proses pembentukan butir debunga di anter tumbuhan berbunga (angiosperma).

Diagram 10.1 shows a cross section of flower.

Diagram 10.2 shows the process of formation of pollen grains in the anthers of flowering plant (angiosperm).



Rajah 10.1 Diagram 10.1



Rajah 10.2 Diagram 10.2


- (a)(i) Berdasarkan Rajah 10.1, terangkan perbandingan antara organ pembiakan jantan dan organ pembiakan betina
Based on Diagram 10.1, explain the comparison between the parts of male organ and female organ.

[4 markah]

- (ii) Berdasarkan Rajah 10.2, jelaskan bagaimana proses pembentukan butir debunga berlaku
Based on the Diagram 10.2, explain how the formation of the pollen grain process occurs.

[6 markah]

- (b) Rajah 10.3 menunjukkan dua pokok, P dan Q yang sama spesies mengalami proses pendebungaan kacuk
Diagram 10.3 shows two trees, P and Q of the same species undergoing a cross-pollination process.



Rajah 10.3 / Diagram 10.3

Berdasarkan Rajah 10.3, jelaskan bagaimana perdebungaan mencetus persenyawaan dan seterusnya membentuk buah dan biji pada tumbuhan berbunga (angiosperma)

Based on Diagram 10.3, explain how pollination triggers fertilisation and subsequently forms fruits and seeds on flowering plants (angiosperm)

[10 markah]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI (RESPON TERBUKA)
SECTION C: ESSAY QUESTION (OPENED- RESPONSE)


11(a) Dua cabang dalam bidang sains sosial iaitu pendidikan dan komunikasi memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah dan cabaran alam sekitar. Terangkan bagaimanakah kedua-dua cabang ini dapat digunakan untuk mengatasi masalah alam sekitar.

Two field study of social science, educations and communication play an important role to solve environmental problems and challenges. Explain how these two fields study can be used.

[5 markah]

(b) Rajah 11.1 menunjukkan pelbagai aktiviti yang menyebabkan pencemaran udara di bandar X, Y dan Z. Tahap pencemaran udara di kawasan ini diuji menggunakan indeks pencemaran udara (IPU) selama 5 hari.

Diagram 11.1 shows the various activities that cause air pollution in cities X, Y and Z. The level of air pollution in this area was tested using an air pollution index (API) for 5 days.



Rajah 11.1 / Diagram 11.1

Data yang diperolehi seperti Jadual 2
 The data obtained are as in Table 2

Hari Days	Bandar Town X	Bandar Town Y	Bandar Town Z	Indeks Pencemaran Udara Air pollution index	Penerangan Explain
Hari 1 Day 1	80	189	50	0 -50	Baik Good
Hari 2 Day 2	100	200	46	51-100	Sederhana Moderate
Hari 3 Day 3	80	251	30	101-200	Tidak sihat unhealthy
Hari 4 Day 4	81	230	49	201-300	Sangat tidak sihat Very unhealthy
Hari 5 Day 5	99	200	36	>300	Berbahaya Danger

Jadual 2 / Table 2


Berdasarkan Jadual 2 dan Rajah 11.1, bandar yang manakah menunjukkan indeks pencemaran udara yang sangat tidak sihat?
 Cadangkan kaedah yang boleh digunakan untuk mengurangkan tahap pencemaran udara di bandar ini.

Based on this table and Diagram 11.1, which city shows a very unhealthy air pollution index? Suggest methods that can be used to reduce the level of air pollution in that city.

[5 markah]

(c) Rajah 11.2 menunjukkan satu kawasan perindustrian baru berdekatan dengan kawasan perumahan.

Diagram 11.2 shows a new industrial area near to a residential area.



Rajah 11.2 / Diagram 11.2

Bincangkan kesan baik dan kesan buruk yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti perindustrian terhadap manusia dan alam sekitar pada tahun-tahun akan datang.


Discuss the good and bad effects caused by industrial activities on humans and the environmental in the coming years.

[10 markah]


BAHAGIAN A: SOALAN STRUKTUR
BAHAGIAN A: STRUCTURED QUESTIONS

SET 4

1. Rajah 1.1 menunjukkan dua contoh tisu yang terdapat dalam tumbuhan.
Diagram 1.1 shows two examples of tissues in plants.



Tisu parenkima
Parenchyma tissue



Tisu kolenkima
Collenchyma tissue

Rajah 1.1 / *Diagram 1.1*

- (a) Nyatakan satu ciri bagi setiap tisu tersebut.
State one characteristic of each tissue.


(i) Tisu parenkima / *Parenchyma tissue*:

.....
[1 markah]

(ii) Tisu kolenkima / *Collenchyma tissue*:

.....
[1 markah]

- (b) Rajah 1.2 menunjukkan tiga jenis sel.
Diagram 1.2 shows three types of cells.



Rajah 1.2 / *Diagram 1.2*

- (i) Namakan sel-sel yang berlabel P, Q dan R di atas.
Name the cells labelled P, Q and R above.

P :

Q:


R:

[3 markah]

- (ii) Nyatakan fungsi bagi sel yang berlabel P.
State the function of the cell labelled P.

.....
[1 markah]

- 2. Rajah 2.1 menunjukkan dua organel yang terdapat dalam sel .
Diagram 2.1 shows two organelles found in cell .



Rajah 2.1 / Diagram 2.1

Berdasarkan Rajah 2.1;
Based on Diagram 2.1;


- (i) Nyatakan jenis metabolisme yang berlaku di organel X
State the type of metabolism that occurs in organelle X

.....
[1 markah]

- (ii) Apakah kepentingan proses di atas terhadap organisma hidup?
What is the importance of the above process to living organisms?

.....
[1 markah]

(b) Rajah 2.2 menunjukkan hipotesis “manga dan kunci” bagi tindak balas lipase.
Diagram 2.2 shows the “lock and key” hypothesis of lipase reaction.



Rajah 2.2 / Diagram 2.2

Berdasarkan Rajah 2.2;
Based on Diagram 2.2;


(i) Namakan R dan S.
Name R and S.

R: S: [2 markah]

(ii) Nyatakan dua ciri enzim .
State two characteristics of enzymes.

.....
..... [2 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan sejenis pokok padi yang tumbuh di kawasan yang ditenggelami air.
Diagram 3 shows a type of paddy tree that grows in water logged areas.



Rajah 3 / Diagram 3

(a)(i) Nyatakan jenis fermentasi yang berlaku dalam sel akar tumbuhan itu
State the type of fermentation that occur in the root cells of the plant.

.....
[1 markah]

(ii) Tuliskan persamaan perkataan bagi proses fermentasi tersebut.
Write a word equation for the fermentation process.

.....
[1 markah]

(b) Terangkan mengapa proses fermentasi yang berlaku dalam sel akar tidak mematikan tumbuhan itu?
Explain why fermentation process that occur in root cells of the plant do not kill the plant?


.....
.....
[2 markah]

(c) Semasa acara 200m sukan olahraga, seorang pelari pecut telah mengalami kekejangan otot pada 50m terakhir ke garis penamat menyebabkan beliau gagal meneruskan lariannya. Terangkan mengapa kekejangan otot berlaku.
During 200m event athletic games, a sprinter experienced muscle cramp in the last 50m to finish line causing him fail to continue his run. Explain why muscle cramp happened?

.....
.....
.....
[3 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan satu mekanisme pertahanan badan yang berlaku dalam nodus limfa.

Diagram 4 shows one of the body defense mechanism that occur in the lymph node.



Rajah 4 / Diagram 4

- (a)(i) Namakan jenis mekanisme pertahanan badan yang ditunjukkan dalam Rajah 5.1
Name the type of body defence mechanisms shown in Diagram 5.1

.....
[1 markah]

- (ii) Terangkan mekanisme yang digunakan oleh antibodi untuk memusnahkan antigen.
Explain the mechanism used by antibodies to destroy antigens.

.....
.....
[2 markah]

- (b)Seorang pesakit yang mengidap radang tekak akan mengalami demam dan nodus limfa pada lehernya membesar. Terangkan mengapa nodus limfa pada lehernya membesar.
A patient suffers from sore throat will experience fever and swollen lymph nodes at her neck. Explain why the lymph nodes on the neck swell.


.....
.....
[2 markah]

- (c) Pembekuan darah merupakan suatu mekanisme pertahanan badan. Terangkan kepentingan pembekuan darah.
Blood clotting is a body's defense mechanism. Explain the importance of blood clotting

.....
.....
[2 markah]

5(a) Rajah 5.1 menunjukkan proses pertukaran gas dan pengangkutan gas respirasi dalam manusia.

Diagram 5.1 shows gaseous exchange process and transport of respiratory gases in human.



Rajah 5.1 / Diagram 5.1

(i) Nyatakan perbezaan tekanan separa oksigen dalam alveolus dan kapilari paru. State the difference of partial pressure of oxygen in alveolus and lungs capillary.

Alveolus / Alveolus:

Kapilari paru / Lungs capillary:

[1 markah]

(ii) Apakah kesan perbezaan tekanan separa oksigen di antara kedua-dua bahagian dalam (a)(i)? What is the effect of different partial pressure of oxygen between both parts in (a)(i)

.....
[1 markah]

(iii) Huraikan pengangkutan karbon dioksida dari kapilari paru ke alveolus. Describe the transport of carbon dioxide from lungs capillary to alveolus.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Rajah 5.2 merupakan satu rencana tentang bahaya keracunan gas karbon monoksida. Diagram 5.2 is an article about the danger of carbon monoxide gas poisoned.

MPV dengan enjin hidup

.....tiga daripada mereka maut dipercayai lemas terhidu gas karbon monoksida.
three of them died due to inhaled of carbon monoxide gases

Rajah 5.2 / Diagram 5.2

Terangkan bagaimana kehadiran gas karbon monoksida dalam darah boleh mengakibatkan kematian.
 Explain how the presence of carbon monoxide gas in blood can cause death.


.....

.....

.....

[3 markah]

8. Rajah 6 .1 menunjukkan satu kaedah yang digunakan untuk merawat tumpahan minyak di dalam laut
 Diagram 6 shows one method used to treat oil spill in the sea.



Rajah 6.1/ Diagram 6 .1

(a) Berdasarkan Rajah 6.1;
Based on Diagram 6.1;

(i) Namakan kaedah yang digunakan
Name the method used

.....
[1 markah]


(ii) Namakan jenis mikroorganisma yang digunakan dalam kaedah di (a)(i).
Name the types of microorganisms used in the method in (a)(i)

.....
[1 markah]

(iii) Terangkan kebaikan kaedah yang dinyatakan dalam (a)(i).
Explain the advantages of the method stated in (a)(i).

.....
[2 markah]

(b) Seorang anak terpisah dari bapanya semenjak kecil. Anak tersebut ingin mencari bapa kandungnya. Dengan menggunakan kaedah pemprofilan DNA, profil DNA seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.2 diperoleh.
A son separated from his father since childhood. He wants to find his biological father. By using DNA profiling method, DNA profile as shown in Diagram 6.2 is obtained



Rajah 6.2/ Diagram 6.2

(i) Antara ayah 1,2 dan 3 , siapakah yang paling mungkin ayah kandung kepada anak tersebut? Berikan alasan anda.

Between fathers 1,2 and 3, who is the most probably his biological father? Give your reason.

.....
.....

[2 markah]

(ii) Nyatakan kegunaan lain pemprofilan DNA selain daripada menentukan keturunan.


State other uses of DNA profiling, other than determine descent

.....
.....

[2 markah]

7. Rajah 7 menunjukkan struktur suatu bunga. P, Q dan R adalah bahagian pada bunga yang memainkan peranan dalam pembiakan

Diagram 7 shows the structure of a flower. P, Q and R are parts of the flower that plays a role in reproduction.



Rajah 7 / Diagram 7

(a)(i) Namakan P dan Q

Name P and Q

P: Q:
[2 markah]

(ii) Terangkan fungsi struktur P dan R untuk memastikan kemandirian spesies tumbuhan.

Explain the function of P and R structures to ensure the survival of plant species.

P:
R:
[2 markah]

(b) Agen pendebungaan akan memindahkan debunga ke struktur Q. Terangkan apa yang berlaku kepada debunga tersebut.
The pollination agent will transfer the pollen to structure Q. Explain what happened to the pollen.

.....


[2 markah]

(c) Struktur R berkembang membentuk bijih benih selepas persenyawaan ganda dua berlaku. Terangkan kepentingan bijih benih untuk kemandirian tumbuhan berbunga..
The R structure develops to form the seeds after double fertilization occurs. Explain the importance of seed ore for the survival of flowering plants.

.....


[3 markah]

8. Rajah 8.1 menunjukkan kacukan antara pokok kacang pea berbiji bulat dan kuning dengan pokok kacang pea berbiji kedut dan hijau. Semua anak dalam generasi F1 yang terhasil adalah berbiji bulat dan kuning.
Diagram 8.1 shows the cross of a round and yellow seed pea plant with wrinkled and green seed pea plant. All of the offspring in the F1 generation produced are round and yellow seeds.



Rajah 8.1 / Diagram 8.1

- (a) Satu daripada anak generasi F1 dalam Rajah 8.1 dilabelkan sebagai P. P dikacukkan dengan pokok kacang pea Q bergenotip BBgg.
One of the offspring in F1 generation in Diagram 8.1 is labelled as P. P is crossed with pea plant Q with genotype BBgg.




Rajah 8.2 / Diagram 8.2

- (i) Lengkapkan rajah skema pewarisan dalam Rajah 8.2
Complete the schematic diagram in Diagram 8.2 [2 markah]

- (ii) Terangkan bagaimana anak R mewarisi trait berbiji bulat dan kuning.
Explain how offspring R inherits the round and yellow seed traits.
-
-
- [2 markah]

- (b) Rajah 8.3 menunjukkan satu contoh lain bagi kacukan pewarisan.
Diagram 8.3 shows another examples of genetic cross.



Rajah 8.3 / *Diagram 8.3*

Nyatakan perbezaan antara kacukan pewarisan dalam Rajah 8.3 dengan kacukan yang ditunjukkan dalam Rajah 8.1
State the differences between this genetic cross in Diagram 8.3 with the cross shown in Diagram 8.1

Rajah 8.1/ <i>Diagram 8.1</i>	Rajah 8.3/ <i>Diagram 8.3</i>

[3 markah]

- (c) Berikut adalah fenotip dan genotip pokok kacang pea S.
The following are the phenotype and the genotype of pea plant S.

Fenotip <i>Phenotype</i>	:	Bunga ungu dan pokok rendah <i>Purple flower and short tree</i>
Genotip <i>Genotype</i>	:	Pprr


Pokok kacang pea S dikacukkan dengan pokok kacang pea T. Kenal pasti genotip pokok kacang pea T supaya kacukan tersebut akan menghasilkan semua anak yang mempunyai fenotip bunga ungu dan pokok rendah. Terangkan jawapan anda.
Pea plant S is crossed with pea plant T. Identify the genotype of a pea plant T so that the cross will produce all offsprings with the phenotype of purple flower and short tree. Explain your answer.

.....

[2 markah]

BAHAGIAN B: SOALAN ESEI (RESPON TERTUTUP)
SECTION 2: ESSAY QUESTIONS (CLOSED RESPONSE)

9. Rajah 9.1 menunjukkan pengawalan hormon tertentu terhadap perkembangan dalam ovari.
 Diagram 9.1 shows the regulation of specific hormones towards the development in the ovary.



Rajah / Diagram 9.1

Berdasarkan Rajah 9.1;
 Based on Diagram 9.1;


(a)(i) Huraikan bagaimanakah proses pembaikan dinding endometrium berlaku selepas haid sehingga hari ke 14.
 Describe how the process of repairing the endometrium wall occurs after menstruation until the 14th day.

[6 markah]

(ii) Terangkan peranan struktur T dan hormon X selepas ovulasi sehingga hari ke-28.
 Explain the role of T structure and hormone X after ovulation until the Day 28.

[4 markah]

(b) Rajah 9.2 menunjukkan lengkung pertumbuhan manusia.
 Diagram 9.2 shows the growth curve of human.




Rajah 9.2 / Diagram 9.2

P, Q, R, S dan T adalah fasa-fasa pada lengkung pertumbuhan. Terangkan perubahan yang berlaku pada setiap fasa.
 P, Q, R, S and T are phases of the growth curve. Explain the changes occur in each phase.

[10 markah]

10 (a) Rajah 10.1 menunjukkan dua jenis variasi.
 Diagram 10.1 shows two types of variation.




Rajah 10.1(a) / Diagram 10.1(a)

Rajah 10.1(b) / Diagram 10.1(b)

Rajah 10.1 / Diagram 10.1

- (i) Nyatakan contoh variasi dalam Rajah 10.1(a) dan Rajah 10.1(b).
State examples of variations in Diagram 10.1(a) and Diagram 10.1(b).
[2 markah]
- (ii) Terangkan keperluan variasi dalam organisma.
Explain the necessity of variation in organisms.
[2 markah]
- (iii) Berdasarkan Rajah 10.1, terangkan persamaan dan perbezaan antara dua jenis variasi tersebut.
Based on Diagram 10.1, explain the similarities and differences between two type of variation.
[10 markah]

(b) Rajah 10.2 menunjukkan kariotip individu akibat mutasi kromosom.
Diagram 10.2 shows individual karyotype caused by chromosome mutation.



Rajah 10.2(a) / Diagram 10.2(a)

Rajah 16.2(b) / Diagram 10.2(b)

Rajah 10.2 / Diagram 10.2

Terangkan sebab dan ciri-ciri individu yang mendapat kesan daripada keabnormalan kromosom ini.


Explain the causes and characteristics of individuals affected by these chromosomal abnormalities.

[6 markah]

BAHAGIAN C: SOALAN ESEI (RESPON TERBUKA)
SECTION C: ESSAY QUESTION (OPENED- RESPONSE)

11. Rajah 11.1 menunjukkan pokok hiasan layu telah disiram dengan air yang banyak. Setelah 2 jam, didapati pokok tersebut segar kembali kerana sel-sel dalam tumbuhan tersebut telah kembali segar.

Diagram 11.1 show wilt plant being watered with a large amount of water. After 2 hours, the plant regain its freshness as the cells become turgid again.



Rajah 11.1 / Diagram 11.1


(a) Huraikan proses pergerakan air dari tanah ke dalam salur xilem dalam tumbuhan di atas sebelum diangkut ke seluruh bahagian sel pokok.

Explain the movement of water from the soil to the xylem vessel in the plant before transported to whole plant cells.

[5 markah]

(b) Rajah 11.2 menunjukkan keadaan daun pada awal pagi. Dia mendapati kebanyakan daun pokok bunganya mengalami keadaan seperti rajah tersebut.

Diagram 11.2 shows the condition of the leaves in the early morning. He found that most of the leaves of the flowering plant were in the same condition as the diagram.



Titisan air/ water droplet

Rajah 11.2/ Diagram 11.2


Berdasarkan Rajah 11.2 terangkan proses yang berlaku.
 Jika proses dalam Rajah 11.2 gagal berlaku nyatakan kesan kesannya terhadap pokok tersebut.

*Based on Diagram 11.2 describe the process that takes place.
 If the process in Diagram 11.2 fail to occur, state the effect on the plant.*

[10 markah]

- (c) Rajah 11.3 menunjukkan sebuah akuarium yang dimiliki oleh Faizal. Setelah sebulan, dia mendapati ikannya kelihatan tidak aktif dan mula menunjukkan ciri-ciri tidak sihat kerana kandungan ammonia dalam air akuariumnya meningkat. Faizal telah menggunakan tumbuhan akuatik untuk merawat dan meningkatkan mutu air dalam akuariumnya

Diagram 11.3 shows an aquarium owned by Faizal. After a month, he found that his fish looked inactive and began to show unhealthy features as the ammonia content in his aquarium water increased. Faizal has used aquatic plants to treat and improve the quality of water in his aquarium.



Rajah 11.3 / Diagram 11.3

Terangkan penambahbaikan dengan menggunakan tumbuhan-tumbuhan akuatik yang sesuai bagi merawat dan meningkatkan mutu air di dalam akuariumnya.

Explain the improvement by using the suitable aquatic plants to treat and increase the quality of water in the aquarium.

[5 markah]

BAHAGIAN II: KERTAS AMALI

SET A


Anda dikehendaki menjalankan eksperimen untuk mengkaji kesan suhu ke atas kadar tindak balas enzim.

You have to carry out an experiment to investigate the effect of temperature on the rate of enzyme reaction.

Langkah-langkah berikut telah dijalankan:


The following steps were carried out:

1. 3ml air liur dikumpulkan dalam sebuah bikar dan dicairkan dengan air suling yang sama isipadunya.
3ml of saliva is collected in a beaker and then diluted with same volume of distilled water.
2. Kemudian, 1ml air liur dimasukkan ke dalam setiap tabung uji yang dilabel sebagai P, Q, R, S dan T.
1ml of the saliva was put in each test tube labelled P, Q, R, S and T.
3. 5ml ampaian kanji 1% dimasukkan ke dalam setiap tabung uji yang dilabelkan sebagai P1, Q1, R1, S1 dan T1.
5ml of 1% starch suspension was put in each test tube labelled P1, Q1, R1, S1 and T1.
4. Tabung uji P dan P1 diletakkan ke dalam kukus air yang suhunya ditetapkan pada 5⁰C selama 5 minit.
The test tube P and P1 were placed in the water bath at 5⁰C for five minutes.
5. Sediakan titisan larutan iodine di atas Jubin putih berlekuk secara berasingan seperti Rajah 1.1
Prepared drops of iodine solution on the groove of white tile separately as shown in Diagram 1.1



Rajah 1.1 / Diagram 1.1

6. Selepas 5 minit, tuangkan air liur dari tabung uji P ke dalam P1 seperti dalam Rajah 1.2. Kacau campuran tersebut. Dengan menggunakan penitis, keluarkan satu titis campuran ke atas larutan iodine.
After 5 minutes, poured the saliva from test tube P into P1 as shown in Diagram 1.2. Stir the mixture. By using a dropper, take out one drop of mixture onto iodine solution.



Rajah 1.2 / Diagram 1.2

7. Jam randik dimulakan dengan segera.
Stopwatch is started immediately.
8. Pada sela masa 1 minit, satu titis campuran dari tabung uji P1 dititiskan ke atas larutan iodin.
At interval of 1 minute, a drop of mixture from test tube P1 is dropped onto iodine solution.
9. Catat masa untuk warna larutan iodin kekal tidak berubah.
Record the time for colour of iodine solution remain unchanged.
10. Langkah 4 hingga 9 diulang bagi tabung uji Q,R,S dan T dengan suhu kukus air masing-masing ditetapkan pada suhu 28⁰C, 37⁰C, 45⁰C dan 60⁰C.
Steps 4 to 9 are repeated for test tube Q,R,S and T with water bath temperatue at 28⁰C, 37⁰C, 45⁰C and 60⁰C.
11. Kadar tindak balas enzim dikira dengan formula $\frac{1}{\text{masa}(t)}$.
The rate of enzyme reaction is calculated by using the formula $\frac{1}{\text{time}(t)}$.

Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen.
 The table 1 shows the result of the experiment.

Tabung uji <i>Test tube</i>	Suhu <i>Temperature</i> (^o C)	Masa untuk warna larutan iodin kekal tidak berubah (minit) <i>Time for the colour of iodine solution remain unchanged (minute)</i>	Kadar tindak balas <i>The rate of enzyme reaction</i> (minit ⁻¹)
P	5	28	0.04
Q	28	14	X
R	37	10	0.10
S	45	38	Y
T	60	-	0.00

Jadual 1 / Table 1

(a) Kira nilai X dan Y.
 Calculate the value of X and Y.

X:

Y:

[2 markah/marks]

(b) Berdasarkan Jadual 1, nyatakan inferen bagi tabung uji T. Terangkan.
 Based on Table 1, state an inference for test tube T. Explain.

.....

[3 markah/marks]

(c)(i) Apakah pemboleh ubah bagi masa untuk warna larutan iodin kekal tidak berubah?
 What is variable for the time for the colour of iodine solution remain unchanged?

.....
 [1 markah/mark]

(ii) Nyatakan cara mengendalikan pemboleh ubah:
 State the method to handle the variable:

.....

 [1 markah/mark]

(d) Nyatakan hipotesis eksperimen.
State the hypothesis for the experiment.

.....
.....
[2 markah/marks]

(e) Berdasarkan Jadual 1,
Based on Table 1,

(i) Nyatakan hubungan di antara masa untuk warna larutan iodin kekal tidak berubah dan suhu.
State the relationship between the time for the colour of iodine solution remain unchange and temperature.

.....
[1 markah/mark]

(ii) Terangkan.
Explain.

.....
.....
[2 markah/marks]

(f) (i) Ramalkan kadar tindakbalas enzim pada suhu 37⁰C dengan peningkatan kepekatan ampaiian kanji.
Predict the rate of the enzyme reaction 37⁰C due to increase concentration of starch suspension.

.....
[1 markah/mark]


(ii) Terangkan.
Explain.

.....
.....
[2 markah/marks]

SET B

Nilai tenaga ialah jumlah tenaga haba yang dibebaskan apabila satu gram makanan dioksidakan dengan lengkap. Tenaga haba ini diserap oleh air di dalam tabung didih. Jesteru itu, kandungan tenaga dalam pelbagai sampel makanan adalah berbeza-beza berdasarkan kelas-kelas makanan.

Energy value is the total amount of energy released when one gram of food is oxidized completely. This heat is absorbed by the water in the boiling tube. Hence, the energy content in food varies among food samples according to their classes of food.




Kacang gajus / cashew nut

Roti kering / dried bread

Rajah 2.1 / Diagram 2.1

Sekumpulan pelajar menjalankan eksperimen untuk menentukan nilai tenaga bagi sampel makanan dalam Rajah 2.1.

A group of students carried out an experiment to determine the energy value of the food sample as shown as Diagram 2.1.



Retort stand
Kaki retort

Thermometer
Termometer

Boiling tube
Tabung didih

Distilled water
Air suling

Food sample
Sampel makanan

Needle
Jarum

Plasticine
Plastisin

Rajah 2.2 / Diagram 2.2

Rajah 2.2 menunjukkan susunan radas bagi eksperimen ini. Suhu awal air bagi setiap eksperimen ditetapkan iaitu 29°C.

Diagram 2.2 shows the apparatus set up used in the experiment. The initial water temperature for each experiment is set at 29°C.

Langkah-langkah berikut telah dijalankan:

The following steps were carried out:

1. Sebiji kacang gajus ditimbang menggunakan neraca elektronik dan direkodkan jisimnya iaitu 1.2 gram.
A cashew nut is weighed using an electronic balance and its mass is recorded at 1.2 grams.
2. 20 ml air suling dituangkan ke dalam tabung didih menggunakan silinder penyukat.
20 ml of distilled water were poured into a boiling tube by using measuring cylinder.
3. Tabung didih diapit pada kaki retort dengan termometer diletakkan ke dalamnya.
The boiling tube is clamped to a retort stand with thermometer placed in it.
4. Jisim awal air di dalam tabung didih diukur dan direkodkan menggunakan termometer.
The initial temperature of water in the boiling tube were measured and recorded by using a thermometer.
5. Kacang gajus dilekatkan pada pin dan dibakar menggunakan penunu bunsen.
Cashew nut is attached to a pin and burnt using a bunsen burner.
6. Apabila pembakaran lengkap, kacang gajus dibakar diletakkan di bawah tabung didih.
When completely burnt, the burnt cashew nut is placed below the boiling tube.
7. Air dikacau secara perlahan menggunakan termometer.
The water is stirred gently with the thermometer.
8. Suhu akhir air direkodkan dengan menggunakan termometer.
The final temperature of water is recorded using the thermometer.
9. Nilai tenaga kacang gajus dihitung menggunakan formula berikut:

$$\text{Nilai tenaga} = \frac{4.2 \text{ (jg}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}) \times \text{jisim air (g)} \times \text{kenaikan suhu (}^{\circ}\text{C)}}{\text{Jisim sampel makanan (g)} \times 1000}$$


The energy value of cashew nut is calculated using the following formula:

$$\text{Energy value} = \frac{4.2 \text{ (jg}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}) \times \text{mass of water (g)} \times \text{temperature increase (}^{\circ}\text{C)}}{\text{Mass of food sample (g)} \times 1000}$$

10. Langkah 1 hingga 8 diulang menggunakan 0.8 gram roti kering
Step 1 until 8 are repeated using 0.8 grams dried bread.

Rajah 2.3 menunjukkan bacaan termometer yang diperhatikan oleh pelajar di dalam eksperimen ini.

Diagram 3 shows the thermometer readings observed by students in this experiment.



Rajah 2.3 / Diagram 2.3

- (a)(i) Rekodkan suhu akhir air bagi kacang gajus dan roti kering.
Record the final temperature of cashew nut and dried bread

Kacang gajus : °C.
Cashew nut
Roti kering : °C
Dried bread

[2 markah/marks]

- (ii)

Jenis sampel makanan Type of food sample	Jisim sampel makanan Mass of food sample (g)	Kenaikan suhu air Increase in water temperature (°C)	Nilai tenaga Energy value (kJ g ⁻¹)
Kacang gajus Cashew nut	1.2	23	
Roti kering Dries bread	0.8	9	

Table 2 / Jadual 2

Berdasarkan Jadual 2, kira nilai tenaga bagi kacang gajus dan roti kering
Based on Table 2, calculate the energy value for cashew nut and dried bread

Kacang gajus :
Cashew nut

Roti kering :
Dried bread

[2 markah/marks]

- (b) Nyatakan satu langkah berjaga-jaga yang boleh diperhatikan pada Rajah 2.2.
State one precaution that can be observed in Diagram 2.2

.....
.....

[1 markah/mark]

- (c) Berdasarkan jadual di (a)(ii), nyatakan hubungan antara nilai tenaga dan sampel makanan yang berbeza.
Based on table in (a)(ii), explain the relationship between the energy value and different food samples.

.....
.....

Terangkan jawapan anda.
Explain your answer.

.....
.....

[3 markah/3 marks]

- (d) Nyatakan pemboleh ubah bagi eksperimen ini dan cara mengendalikan pemboleh ubah.

State the variables for this experiment and method to handle the variable.

Pemboleh ubah dimanipulasi :
Manipulated variable

Pemboleh ubah malar :
Constant variable

Cara mengendalikan pemboleh ubah malar:
Method to handle constant variable

.....

[3 markah/marks]


- (e) Berdasarkan keputusan daripada eksperimen, nyatakan definisi secara operasi bagi Nilai Tenaga.

Based on the result from the experiment, state the operational definition of energy value


.....

[2 markah/marks]


- (f)




Ikan
Fish




Mentega
Butter




Tepung
Flour



Minyak kelapa
Coconut oil



Nasi
Rice



Daging
Meat

Rajah 2.4 / Diagram 2.4

